

PERLEMBAGAAN PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)

MUQADDIMAH

BAHAWA dengan sesungguhnya adalah diisytiharkan, demi untuk menyempurnakan taqwa kepada Allah dan kebaktian kepada sesama manusia, yang dijadikan bagi menegakkan AL-AMRU BIL MA'RUF WAN NAHYU 'ANIL MUNKAR dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara, maka inilah diisytiharkan sebuah pertubuhan yang dinamakan "PARTI ISLAM SE-MALAYSIA"

BAB YANG PERTAMA NAMA DAN PEJABAT YANG DIDAFTARKAN

FASAL 1. Nama

Nama pertubuhan ini ialah '**Parti Islam Se-Malaysia**' ringkasnya disebut '**PAS**' sahaja

FASAL 2. Pejabat yang didaftarkan

Pejabat Agung PAS yang didaftar pada masa ini ialah:

**Pejabat Agung PAS,
No. 318-A, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.**

BAB YANG KEDUA DASAR DAN SERUAN

FASAL 3. Dasar

Dasar PAS ialah **ISLAM**

FASAL 4. Seruan

Seruan PAS ialah **ALLAHU AKBAR**

BAB YANG KETIGA TUJUAN, USAHA, HUKUM DAN KEKUASAAN

FASAL 5. Tujuan PAS ialah:

- (1) Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.
- (2) Mempertahan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.

FASAL 6. Usaha-usaha

- (1) Menyeru umat manusia kepada Syari'at Allah dan Sunnah RasulNya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.
- (2) Memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syari'at serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai kelslaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran,

ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan.

- (3) Memupuk dan memperkuat ukhuwah Islamiyah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkeadilan.
- (4) Mengajak dan menggalakkan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan bagi mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam.
- (5) Menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik, keadilan ekonomi dan negara, untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya.
- (6) Menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bilamana dan selama ianya mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara.
- (7) Mempertahankan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal dalam amalannya di samping berusaha mengembangkan bahasa al-Quran.
- (8) Memperjuangkan wujudnya kebudayaan negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam.
- (9) Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan

tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini.

- (10) Menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia.
- (11) Melakukan apa-apa jua usaha dan tindakan dalam batas-batas Perlembagaan dan Undang-Undang negara bagi mencapai semua tujuan-tujuan PAS ke dalam dan ke luar.

FASAL 7. Hukum dan Kekuasaan

- (1) Adapun hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah KITABULLAH dan SUNNAH RASUL serta IJMAK 'ULAMAK dan QIAS yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum yang tertinggi itu, kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan.
- (2) Dengan tertakluk kepada hukum-hukum dalam ceraiian (1) itu segala gerakan dan pentadbiran PAS adalah dijalankan di bawah perintah dan kekuasaan Muktamar, akan tetapi Muktamar itu sendiri tertakluk di bawah syarat-syarat yang terkandung dalam Perlembagaan PAS dan aturan peraturan Muktamar atau Mesyuarat Agung PAS.

FASAL 8. Majlis Syura 'Ulamak

- (1) Bagi menjamin kekuasaan PAS yang diperuntukan dalam Fasal 7(2) dan badan-badan yang diberikan kepadanya kuasa oleh Mukhtamar Tahunan PAS dan oleh mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan ini, tidak terkeluar daripada kehendak-kehendak yang diperuntukan dalam Fasal 7 (1) dan tidak berlawanan dengan dasar PAS seperti yang diperuntukan dalam Fasal 3 Perlembagaan ini, maka hendaklah ditubuhkan sebuah majlis yang dinamakan "Majlis Syura 'Ulamak" dan diberi kepadanya kuasa-kuasa seperti berikut:
 - (a) Menghurai, menjelas dan mentafsirkan dasar PAS dan mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan ini yang menimbulkan kesamaran mengenai maksud dan tujuannya dan membuat ketetapan mengenainya.
 - (b) Mengeluarkan arahan dan perintah supaya dasar dan ketetapan itu dipatuhi dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak atau badan di dalam PAS dan mengawasi serta memelihara supaya dasar dan ketetapan serta kehendak-kehendak dalam Perlembagaan ini dipatuhi dalam kegiatan, gerakan dan pentadbiran PAS.
 - (c) Mendengar dan memutuskan semua rayuan semula tatatertib yang dikemukakan oleh ahli PAS mengikut Fasal 86 Perlembagaan ini.
- (2) Ahli-ahli Majlis Syura 'Ulamak hendaklah terdiri daripada tidak lebih tujuh belas orang iaitu:

- (a) Seorang Mursyidul 'Am
 - (b) Seorang Timbalan Mursyidul 'Am
 - (c) Seorang Setiausaha Majlis Syura 'Ulamak, dan
 - (d) Tidak lebih empat belas orang Ahli Majlis Syura 'Ulamak
- (3) Seseorang yang hendak dilantik menjadi Ahli Majlis Syura 'Ulamak itu hendaklah seseorang yang mengetahui masalah-masalah pokok (AL-USUL) dalam syariat Islam dan hukum-hukumnya atau/dan dapat merujuk masalah-masalah itu kepada al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qias dengan faham akan maksud dan maknanya yang muktabar dan hendaklah seorang yang adil yakni tidak melakukan dosa besar atau terus menerus melakukan dosa kecil dan hendaklah terpelihara maruahnyanya serta hendaklah seorang ahli PAS.
- (4) Empat orang daripada ahli Majlis Syura 'Ulamak itu hendaklah dipilih dan dilantik oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan empat orang yang dipilih dan dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan masing-masing dua orang yang dipilih dan dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat dan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat dan tidak lebih lima orang yang baki itu dipilih dan dilantik oleh Majlis Syura 'Ulamak itu sendiri. Keahlian seseorang ahli majlis itu boleh diperbaharui oleh pihak yang memilih/melantiknyanya setelah tamat tempoh tersebut.

- (5) Ahli-ahli Majlis Syura 'Ulamak itu hendaklah memegang jawatannya selama lima tahun. Walau bagaimanapun ahli-ahli majlis ini boleh berhenti sebelum cukup tempoh lima tahun dan boleh diberhentikan oleh Majlis Syura 'Ulamak yang mempunyai kuasa menentukan kelayakan seseorang ahli mengikut peruntukan Ceraian (3) Fasal ini dan sebab-sebab seseorang ahli itu patut diberhentikan.
- (6) Seorang Ketua Majlis Syura 'Ulamak yang dikenali sebagai Mursyidul 'Am dan seorang Timbalannya yang dikenali sebagai Timbalan Mursyidul 'Am hendaklah dipilih di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak tersebut dari kalangan ahli-ahlinya dan akan memegang jawatan itu selama lima tahun dengan syarat dia boleh berhenti sebelum cukup tempoh tersebut dan boleh diberhentikan dengan persetujuan dua pertiga daripada ahli-ahli Majlis Syura 'Ulamak itu dan boleh diperbaharui perlantikannya setelah tamat tempoh dia memegang jawatan itu.
- (7) Seorang Setiausaha Majlis Syura 'Ulamak hendaklah dilantik oleh Mursyidul 'Am di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak dari kalangan ahli-ahlinya, dan hendaklah memegang jawatan itu selama lima tahun dengan syarat dia boleh berhenti sebelum cukup tempoh tersebut dan boleh diberhentikan dengan persetujuan mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak dan boleh diperbaharui perlantikannya setelah tamat tempoh dia memegang jawatan itu.
- (8) Mursyidul 'Am hendaklah mengengeruskan semua mesyuarat-mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak. Sekiranya ketiadaan Mursyidul 'Am dengan apa-apa sebab sekalipun, tugas

mempengerusikan mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak itu hendaklah dijalankan oleh Timbalan Mursyidul 'Am. Jika kedua-duanya berhalangan atas apa-apa sebab, maka mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak hendaklah melantik salah seorang dari kalangan ahli-ahlinya untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

- (9) Majlis Syura 'Ulamak hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan, atau pada sebarang masa yang lain yang dikehendaki oleh Mursyidul 'Am. Notis mesyuarat hendaklah dihantar kepada tiap-tiap ahli Majlis Syura 'Ulamak tidak kurang 14 hari daripada tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.
- (10) Cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak itu ialah sembilan orang daripada ahli-ahlinya yang hadir.
- (11) Adapun seseorang Ahli Majlis Syura 'Ulamak itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Majlis Syura 'Ulamak.
- (12) Majlis Syura 'Ulamak boleh, mengikut budi bicaranya, membuat apa-apa peraturan bagi melicinkan pelaksanaan tugas dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya dan menjaga serta memelihara keutuhan dan kehormatan serta kewibawaan Majlis Syura 'Ulamak tersebut.

FASAL 9. Tugas-tugas Majlis Syura 'Ulamak

- (1) Mursyidul 'Am
 - (a) Bertanggungjawab sebagai ketua Majlis Syura 'Ulamak bagi melaksanakan kuasa-kuasa yang diperuntukan dalam Fasal 8 (1)(a), (b) dan (c) Perlembagaan ini.
 - (b) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak.
 - (c) Mengambil apa-apa jua langkah yang perlu bagi mengawasi dan memelihara Perlembagaan, dasar dan hukum PAS dipatuhi dalam kegiatan, gerakan dan pentadbiran PAS.
- (2) Timbalan Mursyidul 'Am
 - (a) Membantu tugas-tugas Mursyidul 'Am
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis Syura 'Ulamak apabila Mursyidul 'Am berhalangan atau tidak hadir.
- (3) Setiausaha Majlis Syura 'Ulamak
 - (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Mursyidul 'Am dan Majlis Syura 'Ulamak.
 - (b) Bertanggungjawab melaporkan kepada Mursyidul 'Am dan Majlis Syura 'Ulamak atas segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran Pejabat Majlis Syura 'Ulamak.

- (c) Bertanggungjawab di atas kesempurnaan semua mesyuarat dan muzakarah Majlis Syura 'Ulamak.
 - (d) Menerima permohonan rayuan semula tatatertib mengikut Fasal 86 Perlembagaan ini dan permohonan pentafsiran Perlembagaan PAS mengikut Fasal 91(1) Perlembagaan ini daripada mana-mana ahli PAS.
- (4) Ahli-ahli Majlis Syura 'Ulamak
- (a) Melaksanakan dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh Fasal 8(1) (a), (b) dan (c).
 - (b) Mendengar dan mempertimbangkan rayuan semula tatatertib menurut Fasal 86.
 - (c) Menyediakan peraturan pemilih calon pilihan raya menurut Fasal 26(9)(f).

BAB YANG KEEMPAT DARI HAL AHLI-AHLI

FASAL 10. Ahli PAS

Hanya satu sahaja jenis keahlian dalam PAS, iaitu dinamakan 'Ahli PAS'.

FASAL 11. Syarat-syarat Menjadi Ahli

Adapun syarat untuk menjadi seorang ahli PAS itu ialah:

- (1) Warganegara Malaysia.
- (2) Beragama Islam
- (3) 'Aqil baligh menurut Hukum Syara'.
- (4) Mengaku menerima serta taat kepada Perlembagaan PAS, peraturan, arahan-arahan dan keputusan-keputusan Parti dari masa ke semasa.

FASAL 12. Permohonan Menjadi Ahli

- (1) Seseorang yang hendak menjadi ahli PAS mestilah menghantar permohonan kepada Setiausaha Cawangan di mana ia berkehendak masuk menjadi ahli, kecuali jika ada sesuatu sebab yang munasabah maka bolehlah dilakukan seperti berikut:
 - (a) Di mana-mana tempat yang tidak ada cawangan hendaklah dihantar terus kepada Setiausaha Kawasan ataupun;
 - (b) Di mana-mana tempat yang tidak ada cawangan dan/atau Kawasan hendaklah ia menghantar terus permohonan kepada Setiausaha Agung PAS bagi menjadi ahli PAS yang berdaftar terus.
 - (c) Dengan tidak mengendahkan apapun yang terkandung dalam butiran-butiran di atas dalam Fasal ini, maka Setiausaha Agung dalam keadaan dan sebab-sebab yang tertentu bolehlah menerima sebarang permohonan menjadi ahli yang berdaftar terus ke Pejabat Agung.

- (2) Sebarang permohonan menjadi ahli PAS hendaklah menggunakan borang yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Harian PAS Pusat.
- (3) Tiap-tiap sekeping borang itu hendaklah ditandatangani atau dengan apa-apa keterangan oleh permohonan itu, dan juga oleh seorang ahli yang menjadi pencadang dan seorang ahli yang menjadi penyokongnya. Kedua-dua orang yang menjadi pencadang dan penyokong itu hendaklah tahu benar-benar akan orang yang memohon itu.

FASAL 13. Memilih Ahli

- (1) (a) Setiausaha Cawangan hendaklah mengangkat semua permohonan menjadi ahli kepada Setiausaha Kawasan dengan memberikan keterangan-keterangan seberapa yang boleh tentang permohonan-pemohon yang berkenaan.
- (b) Setiausaha Kawasan hendaklah mengangkat semua permohonan menjadi ahli, samada dari cawangan-cawangan atau terus kepadanya, kepada Setiausaha Agung dengan disertakan keterangan-keterangan seberapa yang boleh tentang permohonan-pemohon yang berkenaan.
- (c) Setiausaha Agung hendaklah mengemukakan semua permohonan menjadi ahli PAS dari kawasan-kawasan dan/atau ahli berdaftar terus kepada Jawatankuasa Harian PAS Pusat dengan seberapa segera yang boleh bagi menimbangkan permohonan-pemohonan itu.

- (2) Mana-mana permohonan menjadi ahli yang telah ditolak tidaklah boleh mengulangi permohonan melainkan selepas enam bulan dari tarikh permohonan itu ditolak.

FASAL 14. Sijil Ahli

- (1) Tiap-tiap seseorang ahli PAS itu hendaklah mempunyai sekeping Sijil Keahlian atau Kad Keahlian atau apa-apa jenis perakuan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat sebagai bukti menjadi ahli PAS.
- (2) Sijil-sijil hendaklah dikeluarkan oleh Pejabat Agung PAS melalui Setiausaha PAS Kawasan dan Cawangan atau terus kepada ahli bagi ahli-ahli yang berdaftar terus.
- (3) Sijil yang dikeluarkan kepada ahli-ahli itu hendaklah ditandatangani oleh Presiden PAS, Setiausaha Agung dan Setiausaha PAS Kawasan di tempat yang ada kawasan, dan hendaklah mempunyai cop mohor parti.
- (4) Seseorang ahli itu tidaklah diakui menjadi ahli PAS sekiranya tiada atau sebelum daripada mempunyai sijil itu.
- (5) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat adalah berkuasa membuat Aturan dan Peraturan berkenaan dengan mengadakan sijil-sijil ahli PAS dan mengeluarkan serta menggunakan ataupun berkenaan apa-apa perkara yang berkaitan dengan sijil itu.

FASAL 15. Keberhentian Ahli

- (1) Keberhentian ahli ialah disebabkan:
 - (a) Permintaan sendiri
 - (b) Dipecat
 - (c) Mengisytihar diri keluar PAS atau menyertai parti politik lain.
- (2) Seseorang ahli bolehlah memaklumkan keberhentiannya daripada menjadi ahli dengan bersurat kepada Setiausaha Agung, dan sesudah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Harian PAS Pusat, maka Setiausaha Agung hendaklah memberitahu keberhentian ahli yang berkenaan itu kepada PAS Kawasan yang bersangkutan beserta salinannya kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pesuruhjaya-pesuruhjaya PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- (3)
 - (a) Pemecatan seseorang ahli itu bolehlah dilakukan apabila terbukti ianya telah melanggar Perlembagaan PAS, Aturan dan Peraturan serta arahan-arahan, dan keputusan-keputusan parti, atau telah melakukan sebarang perbuatan yang berlawanan dengan kepentingan parti atau menyalahi tata tertib parti.
 - (b) Perhubungan PAS negeri-negeri, PAS Kawasan-kawasan, Cawangan-cawangan dan Dewan-dewan bolehlah mengemukakan cadangan untuk memecat seseorang ahli kepada Setiausaha Agung bagi dipertimbangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Tata tertib PAS.

- (c) Seseorang ahli PAS yang terlucut kewarganegaraannya maka dengan sendirinya ia terlucut daripada menjadi ahli PAS.
- (d) Kecuali ahli yang dipecat mengikut Fasal 85(9), seseorang ahli yang dipecat daripada menjadi ahli PAS, bolehlah mengemukakan rayuannya kepada Setiausaha Agung untuk dibawa ke dalam pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan syarat rayuan itu hendaklah dibuat dalam tempoh tidak lewat dari tiga puluh hari dari tarikh pemecatannya.
- (e) Seseorang ahli yang dipecat daripada menjadi ahli PAS mengikut Fasal 85(9), bolehlah mengemukakan rayuannya terus kepada Setiausaha Majlis Syura 'Ulamak untuk dibawa ke dalam pertimbangan Majlis Syura 'Ulamak dengan syarat rayuan itu hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh pemecatannya oleh Jawatankuasa PAS Pusat.
- (f) Seseorang ahli itu boleh dikenakan tindakan pemecatannya jika ia tidak menafikan secara bertulis kepada Setiausaha Agung akan sebarang maklumat, khabar atau berita mengenai pengisytiharan dirinya keluar PAS atau menyertai parti politik lain dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh surat meminta penjelasan kerananya daripada Setiausaha Agung ke alamat terakhir ahli yang berkenaan diketahui.

FASAL 16. Hak-Hak dan Kewajipan Ahli

- (1) Hak-hak ahli ialah:
 - (a) Setiap ahli PAS berhak memilih dan dipilih untuk memegang mana-mana jawatan dalam parti dan boleh dicadang untuk mewakili parti.
 - (b) Setiap ahli PAS berhak mengundi dan diundi dalam parti mengikut ketentuan-ketentuan yang terdapat di dalam Perlembagaan PAS serta Aturan dan Peraturannya.
 - (c) Setiap ahli PAS berhak menghadiri perhimpunan-perhimpunan dan rapat-rapat parti.
 - (d) Setiap ahli PAS berhak memberikan pendapat dan pandangan kepada parti.
 - (e) Setiap ahli PAS berhak mendapat apa-apa gelaran yang ditetapkan oleh parti mengikut yang diputuskan oleh Muktamar Tahunan parti apabila dan pada bila-bila masa ada usul yang demikian.
- (2) (a) Setiap ahli PAS berhak memohon berpindah Cawangan PAS dalam Kawasan PAS yang sama dan berkewajipan untuk mengemukakan satu permohonan bertulis untuk berpindah Cawangan dengan keterangan-keterangan yang perlu kepada Setiausaha PAS Kawasan setelah mendapat persetujuan PAS Cawangan yang baru. Setiausaha PAS Kawasan hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dengan

seberapa segera yang boleh bagi menimbangkan permohonan yang berkenaan itu.

- (b) Setiap ahli PAS yang berpindah Cawangan itu tidak berhak memilih dan dipilih untuk memegang mana-mana jawatan dalam Cawangan barunya melainkan setelah mendapat akuan kelulusan berpindah Cawangan dari Setiausaha PAS Kawasan.
- (3) Kewajipan-kewajipan ahli:
- (a) Menunaikan yuran dan lain-lain menurut keputusan parti dari masa ke semasa.
 - (b) Melaksanakan arahan-arahan dan keputusan-keputusan parti sama ada umum atau khusus.
 - (c) Menghadiri mana-mana kursus-kursus, tamrin-tamrin atau perhimpunan-perhimpunan parti sebagaimana yang ditetapkan dan diarahkan.
 - (d) Memperdalamkan ilmu pengetahuan khususnya tentang ajaran dan hukum-hukum Islam.
 - (e) Memperkuat kedudukan dan menjaga kehormatan parti samada di dalam atau di luar negeri.
 - (f) Pada amnya melaksanakan kehendak-kehendak Perlembagaan parti.
- (4) (a) Setiap ahli PAS berhak memohon berpindah Kawasan PAS dan berkewajipan untuk mengemukakan satu permohonan bertulis

untuk berpindah Kawasan dengan keterangan-keterangan yang perlu kepada Setiausaha Agung setelah mendapat persetujuan PAS Kawasan yang baru. Setiausaha Agung hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa Harian PAS Pusat dengan seberapa segera yang boleh bagi menimbangkan permohonan yang berkenaan itu.

- (b) Setiap ahli PAS yang berdaftar terus ke Pejabat Agung juga berhak memohon menjadi ahli sesebuah Kawasan PAS dengan memohon mengikut kaedah yang sama yang disebutkan dalam ceraihan (4)(a) Fasal ini.
- (c) Setiap ahli PAS yang berpindah Kawasan itu tidak berhak memilih dan dipilih untuk memegang mana-mana jawatan dalam Kawasan barunya melainkan setelah mendapat akuan kelulusan berpindah Kawasan dari Setiausaha Agung.

FASAL 17. Buku Daftar Ahli

- (1) Tiap-tiap cawangan hendaklah mempunyai sebuah buku daftar ahli cawangannya dengan membutirkan di dalamnya akan nama, alamat, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nombor sijil ahli dan lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Setiausaha Agung.
- (2) Pejabat Setiausaha PAS Kawasan hendaklah juga mempunyai sebuah buku daftar ahli dalam kawasannya dan ahli-ahli daripada cawangan-cawangannya dengan membutirkan akan nama, alamat, nombor kad pengenalan, pekerjaan,

nombor sijil ahli dan lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Setiausaha Agung.

- (3) Pejabat Agung hendaklah menyediakan dan menyimpan buku-buku daftar besar ahli PAS dengan membutirkan di dalamnya akan nama, alamat, kawasan, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan lain-lain yang difikirkan patut oleh Setiausaha Agung.
- (4) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat adalah berkuasa membuat sebarang Aturan dan Peraturan berkenaan dengan buku daftar ahli itu.

BAB YANG KELIMA MUKTAMAR DAN MESYUARAT AGUNG

FASAL 18. Mukhtar PAS

- (1) Mukhtar PAS itu terbahagi kepada:
 - (a) Mukhtar Tahunan – Mukhtar Tahunan itu hendaklah diadakan sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya pada bulan April, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Presiden atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya lapan orang Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat atau daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada bilangan ahli-ahli Mukhtar itu selain daripada Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
 - (b) Mukhtar Khas – Mukhtar Khas PAS bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Presiden atau dengan permintaan bersurat

daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat atau satu pertiga daripada PAS Kawasan-kawasan. Maka dalam Mukhtamar Khas ini tidaklah boleh, dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Mukhtamar itu diadakan.

- (c) Notis bagi mengadakan Mukhtamar Tahunan dan Khas hendaklah dihantar kepada para perwakilan tidak kurang 14 hari daripada tarikh mesyuarat hendak diadakan.
 - (d) Mana-mana Mukhtamar Tahunan PAS yang ada pemilihan, dengan sebab-sebab tertentu bolehlah ditangguhkan agenda pemilihannya kepada Mukhtamar tahun berikutnya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan syarat ia dipersetujui oleh dua pertiga daripada ahlinya yang hadir.
- (2) Mukhtamar Tahunan dan/atau Khas PAS itu adalah mengandungi ahli-ahli yang berikut:
- (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Ahli-ahli Majlis Syura 'Ulamak dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
 - (c) Pesuruhjaya-pesuruhjaya PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan.
 - (d) Yang Dipertua-Yang Dipertua PAS Kawasan, dan jika sekiranya dia tidak dapat hadir sendiri maka hendaklah seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Kawasan itu diwakili dengan bersurat oleh Yang Dipertua PAS Kawasan itu.

- (e) Tidak kurang dari empat orang dan tidak lebih dari lima belas orang wakil daripada dan diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan tiap-tiap Kawasan yang telah menunaikan yuran tahunannya bagi tahun itu ke Pejabat Agung dengan tertakluk kepada Fasal 19(5).
 - (f) Dua puluh orang wakil daripada dan diangkat oleh Muktamar Dewan Ulamak PAS Pusat.
 - (g) Dua puluh orang wakil daripada dan diangkat oleh Muktamar Dewan Pemuda PAS Pusat, dan
 - (h) Dua puluh orang wakil daripada dan diangkat oleh Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (3) Pengerusi bagi Muktamar PAS itu ialah Pengerusi Tetap dan/atau Timbalannya yang dipilih akan dia dalam Muktamar Tahunan PAS yang terakhir. Mereka akan memegang jawatan tersebut selama dua tahun, atau sehingga kepada Muktamar Tahunan yang ada pemilihannya.
- (4) Dengan dikecualikan ceraiian (2)(b) dan (c) Fasal ini, maka satu perdua daripada ahli-ahli Muktamar itu hadir adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan Muktamar Tahunan dan/atau Khas itu.

FASAL 19. Wakil-wakil ke Muktamar dan Mesyuarat Agung

- (1) Wakil-wakil hanya dapat menyertai dalam Muktamar Tahunan PAS apabila mereka dapat

menunjukkan suratkuasa yang ditandatangani oleh Yang Dipertua dan/atau Setiausaha PAS Kawasan. Adapun wakil-wakil dari dewan-dewan, maka hendaklah suratkuasa itu ditandatangani oleh Ketua dan/atau Setiausaha Dewan berkenaan.

- (2) Wakil-wakil yang diangkat kepada mana-mana Muktamar atau Mesyuarat Agung PAS itu hendaklah terdiri dari ahli-ahli PAS dalam Cawangan atau Kawasan atau Dewan-dewan yang mengangkatnya dan telah berumur tidak kurang daripada 18 tahun.
- (3) Tiap-tiap seorang wakil itu hendaklah sanggup menerima dan taat kepada keputusan-keputusan dan ketetapan-ketetapan Muktamar dan Mesyuarat Agung.
- (4) Tiap-tiap seorang wakil tidaklah boleh mewakili lebih daripada satu pihak.
- (5) Tiap-tiap sebuah Kawasan berhak mengangkat empat orang wakil kepada mana-mana Muktamar PAS jika bilangan ahli PAS yang berdaftar dalam Kawasan itu berjumlah kurang dari dua ribu orang.

Adapun sesebuah Kawasan yang mempunyai bilangan ahli PAS yang berdaftar melebihi dua ribu orang berhak menambah wakil-wakilnya ke Muktamar PAS dengan kadar seorang wakil lagi bagi setiap pertambahan seribu orang ahli yang berdaftar dengan tidak melebihi lima belas orang wakil semuanya.

- (5) Setiap wakil yang diangkat oleh mana-mana Muktamar dan/atau Mesyuarat Agung Tahunan PAS Cawangan dan Kawasan serta Dewan-

dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat, maka berkuasalah mereka mewakili Mukhtamar dan/atau Mesyuarat Agung Tahunan yang mengangkatnya ke mana-mana Mukhtamar atau Mesyuarat Agung yang lebih tinggi sehingga Mukhtamar dan/atau Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

- (6) Adapun sekiranya mana-mana perwakilan yang diangkat oleh Mukhtamar dan/atau Mesyuarat Agung Tahunan itu meninggal dunia atau lebih umur atau berpindah Kawasan/Cawangan atau meletak jawatan atau sebab-sebab lain, maka berkuasalah Jawatankuasa Kerja masing-masing mengangkat pengganti.

FASAL 20. Mesyuarat Agung PAS Kawasan

- (1) Adapun gerakan dan pentadbiran sebuah kawasan PAS itu adalah dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu di bawah kekuasaan Majlis Mesyuarat Agung PAS Kawasan itu. Akan tetapi Majlis Mesyuarat Agung itu sendiri adalah tertakluk di bawah syarat-syarat yang terkandung di dalam Perlembagaan PAS dan juga Aturan dan Peraturan mesyuarat kawasan itu.
- (2) (a) Sesebuah Kawasan hendaklah mengadakan Majlis Mesyuarat Agung Tahunannya sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya pada bulan Februari, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Yang Dipertua kawasan itu ataupun dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu.

- (b) Mesyuarat Agung Khas Kawasan bolehlah diadakan pada bila-bila masapun jika dikehendaki oleh Yang Dipertua Kawasan itu, atau dengan kehendak, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada jumlah cawangan-cawangan atau daripada ahli-ahli kawasan itu. Maka dalam Mesyuarat Agung Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa selain daripada perkara yang kerananya Mesyuarat Agung Khas itu diadakan.
 - (c) Notis Mesyuarat Agung Tahunan kawasan dan Mesyuarat Agung Khas Kawasan hendaklah dihantar kepada perwakilan tidak kurang 14 hari dari tarikh mesyuarat hendak diadakan.
- (3) Ahli-ahli bagi Mesyuarat Agung Tahunan/Khas PAS Kawasan itu adalah mengandungi:
- (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu.
 - (c) Ketua-ketua Cawangan PAS dalam Kawasan itu,
 - (d) Wakil-wakil daripada dan diangkat oleh cawangan-cawangan dalam Mesyuarat Agungnya sebanyak mana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Kawasan itu, dan
 - (e) Lima belas orang wakil dari Dewan Ulamak PAS, lima belas orang wakil dari Dewan Pemuda PAS dan lima belas orang wakil dari Dewan Muslimat PAS Kawasan yang diangkat dan dilantik oleh Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak, Dewan Pemuda PAS dan Dewan Muslimat PAS Kawasan itu.

- (4) Dengan dikecualikan cerai (3)(b) Fasal ini, maka cukup bilang bagi menjalankan Mesyuarat Agung PAS Kawasan itu hendaklah satu pertiga daripada ahli-ahli mesyuarat agung itu hadir.
- (5) Pengerusi Mesyuarat Agung itu ialah Pengerusi Tetap PAS Kawasan atau Timbalannya yang dipilih pada tiap-tiap dua tahun atau pada Mesyuarat Agung Tahunan Kawasan yang ada pemilihannya.
- (6) Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan hendaklah mengangkat tidak kurang daripada empat orang dan tidak lebih 15 orang wakil ke Muktamar Tahunan PAS mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Fasal 19(5) Perlembagaan ini.
- (7) Segala keputusan Mesyuarat Agung itu hendaklah dihantar ke Pejabat Perhubungan PAS Negeri/Wilayah dan Pejabat Agung PAS untuk pengetahuannya.

FASAL 21. Mesyuarat Agung PAS Cawangan

- (1) Sesebuah Cawangan itu hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya hendaklah sebelum berlangsungnya Majlis Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan. Satu notis mesyuarat hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari dari tarikh mesyuarat hendak diadakan.
- (2) Mesyuarat Agung Khas bolehlah diadakan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua Cawangan itu atau dengan kehendak sekurang-kurangnya satu perempat daripada jumlah ahli dalam Cawangan itu termasuk Ahli-ahli Jawatankuasa Kerjanya.

- (3) Ahli-ahli bagi Mesyuarat Agung PAS Cawangan itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan.
 - (c) Ahli-ahli PAS dalam Cawangan itu.
- (4) Satu pertiga daripada ahli-ahli di atas termasuk Jawatankuasa Kerja Cawangan itu hadir adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan Mesyuarat Agung itu.
- (5) Pengerusi bagi Mesyuarat Agung itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalannya yang dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Cawangan yang ada pemilihannya.
- (6) Mesyuarat Agung Tahunan PAS Cawangan hendaklah mengangkat sejumlah wakil mengikut yang ditetapkan oleh PAS Kawasan ke Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan.
- (7) Segala perkara yang diputuskan dan yang berbangkit di dalam Mesyuarat Agung itu hendaklah dimaklumkan kepada PAS Kawasan dan Perhubungan PAS Negeri.

FASAL 22. Tugas dan Kekuasaan Muktamar dan Mesyuarat Agung PAS

Adapun tugas dan pekerjaan Muktamar dan mesyuarat-mesyuarat agung PAS itu ialah:

- (1) Mengesahkan peringatan Muktamar atau Mesyuarat agung yang lalu.
- (2) Membentang dan menerima penyata-penyata dan laporan-laporan kewangan dan perjalanan tahunan PAS.
- (3) Memilih Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan PAS.
- (4) Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan dua orang pemeriksa Kira-kira mengikut Perlembagaan.
- (5) Mengangkat wakil-wakil ke Muktamar/Mesyuarat Agung yang lebih tinggi mengikut peruntukan Perlembagaan ini.
- (6) Membahas ucapan dasar di peringkat kebangsaan.
- (7) Membahas usul-usul dan resolusi-resolusi.
- (8) Ucapan-ucapan penangguhan.
- (9) Lain-lain perkara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja masing-masing.

BAB YANG KEENAM PENUBUHAN KAWASAN DAN CAWANGAN

Fasal 23. Penubuhan PAS Kawasan

- (1) Kawasan PAS hendaklah ditubuhkan hanya sebuah sahaja bagi tiap-tiap satu daerah (bagi negeri Kelantan, 'Jajahan') mengikut sempadan kekuasaan Pegawai Daerah (bagi negeri Kelantan 'Pegawai Jajahan') atau kawasan pilihan raya Parlimen dengan syarat telah sedia ada tidak kurang daripada dua ratus orang ahli PAS yang telah berdaftar, kecuali jika dipandang sangat mustahak oleh Badan Perhubungan PAS Negeri dan/atau Wilayah Persekutuan, dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat mengikut cara yang lain.

- (2) Pesuruhjaya PAS Negeri dan/atau Wilayah Persekutuan dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat sahajalah yang berkuasa menubuhkan Kawasan-kawasan PAS di daerah-daerah (Jajahan-jajahan bagi negeri Kelantan) atau kawasan-kawasan Parlimen yang belum ada Kawasan PAS atau dalam menyempurnakan kehendak-kehendak ceraihan (1) Fasal ini, dan bagi negeri-negeri/Wilayah Persekutuan yang belum ada Pesuruhjaya PAS atau Badan Perhubungan ini adalah tertakluk di bawah kekuasaan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

FASAL 24. Penubuhan PAS Cawangan

- (1) Adapun Cawangan-cawangan PAS bagi sesebuah Kawasan itu bolehlah ditubuhkan di mana-mana saja tempat di dalam daerah kekuasaan PAS Kawasan oleh Yang Dipertua

PAS Kawasan dengan persetujuan Pesuruhjaya PAS Negeri/Wilayah Persekutuan, dengan syarat telah sedia ada tidak kurang daripada dua puluh lima orang ahli PAS yang telah berdaftar.

- (2) Adapun bagi kawasan-kawasan yang tiada atau belum ditubuhkan PAS Kawasan, maka Cawangan PAS hendaklah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan persetujuan Pesuruhjaya PAS Negeri/Wilayah Persekutuan dengan syarat telah sedia ada tidak kurang daripada dua puluh lima orang ahli PAS yang telah berdaftar.
- (3) Adapun bagi PAS Kawasan yang digantung atau dibubarkan mengikut Fasal 26(9)(j) Perlembagaan ini atau dibatal pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan, maka Cawangan PAS hendaklah ditubuhkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Sementara PAS Kawasan berkenaan dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat atau ditubuhkan mengikut apa-apa ketetapan lain yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

BAB YANG KETUJUH JAWATANKUASA KERJA

FASAL 25. Jawatankuasa Kerja PAS Pusat

- (1) Adapun Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu ialah:
 - (a) Seorang Presiden
 - (b) Seorang Timbalan Presiden
 - (c) Tiga orang Naib Presiden

- (d) Tiga orang Ketua Dewan-dewan
 - (e) Seorang Setiausaha Agung
 - (f) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha Agung
 - (g) Seorang Bendahari
 - (h) Seorang Ketua Penerangan,
 - (i) Seorang Ketua Pengarah Pilihan Raya, dan
 - (j) Dua puluh empat orang Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa.
- (2) Presiden, Timbalan Presiden dan tiga orang Naib Presiden hendaklah dipilih dan dilantik akan dia oleh Muktamar Tahunan PAS pada tiap-tiap dua tahun daripada ahli-ahli PAS atau dengan apa-apa cara jua yang dipersetujui oleh Muktamar Tahunan PAS itu.
- (3) Tiga orang daripada Ketua dari Dewan-dewan itu ialah Ketua Dewan Ulamak, Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat yang telah dipilih dan dilantik akan dia oleh Muktamar masing-masing, yang diadakan sebelum daripada Muktamar Tahunan PAS yang ada pemilihan, dan mereka dengan sendirinya menjadi Naib-naib Presiden.
- (4) Setiausaha Agung, tidak lebih tiga orang Penolong Setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Penerangan dan Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat hendaklah dilantik oleh Presiden di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat daripada ahli-ahli PAS atau daripada kalangan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan akan memegang jawatan itu sehingga pada Muktamar

Tahunan PAS yang ada pemilihan atau sehingga ia meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan apa-apa sebab sekalipun.

- (5) Lapan belas orang daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang disebutkan dalam ceraiian (1)(j) Fasal ini, hendaklah dipilih dan dilantik di dalam Muktamar Tahunan PAS tiap-tiap dua tahun sekali, dan enam daripadanya hendaklah dilantik akan dia oleh Presiden di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat daripada ahli-ahli PAS, dan akan memegang jawatan itu sehingga Muktamar Tahunan PAS yang ada pemilihan atau dia meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan apa-apa sebab sekalipun.
- (6) Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu tidak lagi menjawat jawatan itu sama ada dengan sebab meninggal dunia ataupun dengan sebab ia meminta berhenti atau diberhentikan atau dengan apa-apa sebab yang menjadi halangan daripada menjawat jawatan tersebut, maka Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dalam mesyuaratnya adalah berkuasa melantik penggantinya daripada sesiapa sahaja ahli PAS sehingga Muktamar Tahunan PAS memilih semula Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
- (7) Seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bolehlah meminta berhenti daripada jawatannya dengan menyatakan kehendak-kehendak itu dengan bersurat kepada Setiausaha Agung, dan pemberhentiannya itu hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat supaya diangkat dan dilantik gantinya daripada ahli-ahli

PAS yang difikirkan layak oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

- (8) Jika sekiranya Presiden berhenti atau diberhentikan atau dengan apa-apa jua sebab yang menjadikan ia terhalang daripada memegang jawatannya itu, maka Timbalan Presiden dengan sendirinya memangku jawatan Presiden sehingga Presiden itu dapat dipilih semula, atau dapat memegang jawatannya semula.
- (9) Jika sekiranya Presiden dan Timbalannya berhenti atau diberhentikan atau dengan apa-apa sebab juapun yang menjadikan mereka terhalang daripada memegang jawatan-jawatan itu, maka salah seorang daripada Naib-Naib Presiden yang dilantik oleh Muktamar Tahunan hendaklah dipilih oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat untuk memangku jawatan Presiden dan seorang lagi memangku jawatan Timbalan Presiden bagi menjalankan pentadbiran dan kerja-kerja Presiden dan Timbalannya sehingga seorang Presiden dan Timbalan Presiden dapat dipilih semula atau dapat memegang semula jawatannya itu, maka hendaklah dipilih di antara kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bagi memangku jawatan Naib-Naib Presiden itu sehingga mereka dapat dipilih semula atau dapat memegang jawatan itu semula setelah Presiden dan Timbalannya memegang jawatan mereka semula.
- (10) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan, atau pada sebarang masa yang lain yang diadakan oleh Presiden atau sebarang masa yang dikehendaki oleh satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa

Kerja PAS Pusat dengan syarat mereka menghantar surat yang menyatakan kehendak dan sebab kemustahakan mesyuarat itu diadakan kepada Setiausaha Agung.

- (11) Presiden atau Timbalannya atau gantinya atau sesiapa sahaja daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang hadir yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu bolehlah mempengerusikan mesyuaratnya ketika salah seorang daripadanya berhalangan atau/dan kedua-duanya berhalangan untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.
- (12) Cukup bilang bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu ialah lima belas orang daripada ahli-ahlinya hadir.
- (13) Adapun seseorang ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerjanya jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Agung.
- (14) Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, Ketua-ketua Dewan Ulamak, Pemuda dan Muslimat, Setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Penerangan dan Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat adalah dengan sendirinya menjadi Ahli Jawatankuasa Harian PAS Pusat.
- (15) Pengerusi bagi mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat itu ialah Presiden, dan jika ia berhalangan, maka Timbalan Presiden, dan jika Timbalan Presiden itu berhalangan juga, maka salah seorang daripada Naib-naib Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

- (16) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Harian itu ialah tujuh orang daripada ahli-ahlinya yang hadir.
- (17) Jika Ketua-ketua Dewan Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat itu berhalangan atau apa-apa jua sebab yang ia tidak dapat hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kerja atau Jawatankuasa Harian PAS Pusat, maka Timbalan Ketua masing-masing bolehlah diwakilkan secara bersurat untuk hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat itu.
- (18) Sekiranya Setiausaha Agung berkeuzuran dan tidak dapat menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat, maka mana-mana seorang Penolong Setiausaha Agung bolehlah menggantikan beliau secara bersurat dalam mesyuarat tersebut.

FASAL 26. Tugas-tugas Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat

- (1) Presiden
- (a) Bertanggungjawab sebagai ketua bagi melaksanakan pentadbiran, gerakan dan kegiatan PAS bagi mencapai tujuan-tujuan yang termaktub dalam Perlembagaan ini mengikut dasar yang diperuntukannya dan yang diputuskan oleh mana-mana badan yang diberi kuasa oleh Perlembagaan ini bagi menghurai, menjelas dan mentafsirkan dasar PAS serta membuat ketetapan-ketetapan mengenainya.

- (b) Bertanggungjawab ke atas semua kerja dan urusan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat serta menyelaraskan tugas-tugas Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
 - (c) Melantik Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Penerangan, Ketua Pengarah Pilihan Raya dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik serta Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri/Wilayah Persekutuan menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
 - (d) Mengambil apa-apa jua langkah yang perlu bagi menjamin perpaduan, persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dalam menjalankan tugas masing-masing.
 - (e) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan Jawatankuasa Harian PAS Pusat.
- (2) Timbalan Presiden
- (a) Membantu tugas-tugas Presiden
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan Jawatankuasa Harian PAS Pusat apabila Presiden berhalangan atau tidak hadir.
- (3) Naib-naib Presiden
- (a) Membantu tugas-tugas Presiden

- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan Jawatankuasa Harian PAS Pusat apabila Presiden dan Timbalannya berhalangan atau tidak hadir.
- (4) Setiausaha Agung
- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Presiden dan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
 - (b) Menjadi ketua pegawai yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan pentadbiran Pejabat Agung PAS dan penyelarasan kepada kerja-kerja dan tugas-tugas yang diperuntukkan kepada Setiausaha Dewan-dewan Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Presiden dan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat atas segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran Pejabat Agung dan kegiatan kepartian seluruhnya.
 - (d) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Jawatankuasa Harian PAS Pusat dan Muktamar Tahunan/Khas PAS Pusat.
 - (e) Bertanggungjawab atas penyusunan dan pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Agung dengan persetujuan Jawatankuasa Harian PAS Pusat.

- (f) Menyediakan sebarang penyata mengenai kerja dan kemajuan parti bagi tujuan Muktamar Tahunan/Khas dan mana-mana Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan Jawatankuasa Harian PAS Pusat.
- (5) Penolong-penolong Setiausaha Agung
- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Agung.
 - (b) Membantu Setiausaha Agung dalam urusan pentadbiran Pejabat Agung PAS dan penyelarasan kepada kerja-kerja dan tugas-tugas yang diperuntukan kepada Setiausaha Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat.
 - (c) Membantu tugas-tugas Setiausaha Agung.
- (6) Bendahari
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Pejabat Agung.
 - (b) Menyediakan anggaran belanjawan kepada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
 - (c) Bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan tahunan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira PAS Pusat dan juga oleh Pemeriksa Kira-kira bertauliah yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
 - (d) Membentangkan penyata kewangan kepada Muktamar Tahunannya.

- (e) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan parti.
- (7) Ketua Penerangan
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh kegiatan dakwah dan penerangan PAS.
 - (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan yang sesuai dengan tujuan dan dasar perjuangan PAS.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Presiden dan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan itu.
 - (d) Menyedia dan mengeluarkan kenyataan, risalah dan apa jua penerbitan parti yang sesuai dengan dasar, tujuan dan ketetapan-ketetapan parti dari masa ke semasa.
- (8) Ketua Pengarah Pilihan Raya
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya PAS.
 - (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya PAS.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Presiden dan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Melaksana, menyusun dan mengatur strategi dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjalankan program politik, ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan dan lain-lain mengikut dasar yang ditentukan kepadanya oleh mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan ini dan oleh mana-mana badan yang diberi kepadanya kuasa menetapkan dasar oleh mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan ini.
- (b) Memberi perhatian terhadap kegiatan umum kerajaan dan menyelaraskan sikap dan pendirian ahli-ahli PAS dalam Parlimen supaya dapat dipertanggungjawabkan kepada dasar dan keutuhan Parti.
- (c) Memelihara, menjaga dan mengawal tatatertib PAS dan melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib PAS seperti yang diperuntukan dalam Fasal 85(5) Perlembagaan ini.
- (d) Mengambil apa-apa tindakan tatatertib tanpa menghiraukan Jawatankuasa Tatatertib ke atas mana-mana ahli PAS yang diadakan kepadanya menurut Fasal 85(9).
- (e) Mendengar dan mempertimbangkan rayuan tatatertib mengikut Fasal 86(2) Perlembagaan ini.
- (f) Memilih dan memuktamadkan calon-calon bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dengan syarat hendaklah pemilihan dan keputusan mengenainya tertakluk

kepada peraturan pemilihan calon yang ditentukan oleh Majlis Syura 'Ulamak.

- (g) Membuat semua Aturan dan Peraturan berhubung dengan pentadbiran parti termasuk soal-soal mengenai pilihan raya dan soal-soal yang berbangkit mengikut Fasal 87 dan 88 Perlembagaan ini.
- (h) Membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa atau lajnah-lajnah yang diperlukan bagi menjalan dan melicinkan pentadbiran, gerakan dan kegiatan PAS serta melantik ahli-ahlinya dan menyediakan peraturan-peraturannya.
- (i) Menyelaraskan kegiatan gerakan dan pentadbiran Badan-badan Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan dan Dewan-dewan yang ditubuhkan di bawah peruntukan Perlembagaan ini.
- (j) Menyelesaikan perselisihan yang berlaku dalam parti, dan berkuasa menggantung dan membubarkan serta mengambil alih mana-mana Badan Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan, Kawasan-kawasan dan Cawangan-cawangan dengan melantik satu Jawatankuasa Tadbir Sementara yang akan mempunyai kuasa sebagaimana sesebuah Jawatankuasa yang diambil menurut Perlembagaan ini untuk tempoh masa yang ditentukan.
- (k) Membuat pertimbangan untuk bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang tidak bercanggah dengan dasar dan tujuan PAS dan membuat keputusan mengenainya

setelah dipersetujui oleh Majlis Syura 'Ulamak.

- (l) Memberhentikan, mengganti dan melantik baru mana-mana Ahli Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan di bawah Ceraian (9)(h) Fasal ini dari semasa ke semasa termasuklah membubarkan mana-mana Jawatankuasa Kecil itu yang difikirkan tidak mustahak lagi. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat adalah berkuasa melantik mana-mana ahli PAS bagi memenuhi mana-mana kekosongan dalam Jawatankuasa Kerja PAS Pusat sama ada kerana seseorang ahli itu berhenti, diberhentikan, meninggal dunia atau kerana ianya bercuti yang melebihi daripada 2 bulan.

- (m) Pada amnya menjalankan tugas dan arahan-arahan oleh Presiden serta melaksanakan apa saja usaha untuk kemajuan parti akan keutuhan umat Islam.

FASAL 27. Tugas-tugas Jawatankuasa Harian PAS Pusat

- (1) Menimbang sebarang permohonan menjadi ahli PAS, permohonan berhenti menjadi ahli PAS dan permohonan ahli berpindah Kawasan.
- (2) Membuat sebarang keputusan untuk kelicinan kerja-kerja pentadbiran Pejabat Agung dan urusan-urusan biasa parti.
- (3) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
- (4) Menimbang sesuatu hal yang mustahak yang terpaksa disegerakan.

- (5) Melaksanakan sebarang tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kuasanya oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
- (6) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Ceraian (1), (2), (3) dan (4) Fasal ini hendaklah dimaklumkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

FASAL 28. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan

- (1) Adapun Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu ialah:
 - (a) Seorang Yang Dipertua
 - (b) Seorang Timbalan Yang Dipertua
 - (c) Seorang Naib Yang Dipertua
 - (d) Ketua Dewan 'Ulamak
 - (e) Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan
 - (f) Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan.
 - (g) Seorang Setiausaha
 - (h) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (i) Seorang Bendahari
 - (j) Seorang Ketua Penerangan
 - (k) Seorang Pengarah Pilihan Raya
 - (l) Tidak lebih daripada dua puluh empat orang dan tidak kurang daripada dua belas orang Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa.

- (2) Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua PAS Kawasan itu hendaklah dipilih dan dilantik tiap-tiap dua tahun sekali daripada ahli-ahli PAS Kawasan itu dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang ada pemilihannya.
- (3) Tiga orang daripada Ketua Dewan-dewan itu ialah Ketua Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan yang dipilih dan dilantik dalam Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan yang diadakan sebelum Mesyuarat Agung PAS Kawasan itu.
- (4) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya PAS Kawasan hendaklah dilantik oleh Yang Dipertua PAS Kawasan di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan, dan akan memegang jawatan masing-masing sehingga dua kali Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan yang akan datang atau sehingga ia meletakkan jawatan atau dengan apa-apa jua sebab yang menghalang bagi pemegang jawatan-jawatan itu dari menjalankan tugas yang ditentukan kepadanya.
- (5) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan yang disebutkan dalam ceraiian (1)(l) Fasal ini hendaklah dua pertiga daripadanya dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan pada tiap-tiap dua tahun sekali dan satu pertiga daripadanya dilantik oleh Yang Dipertua PAS Kawasan di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan daripada ahli-ahli PAS dalam Kawasan itu, dan mereka hendaklah memegang jawatan masing-

masing sehingga dua kali Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan yang akan datang atau sehingga mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dengan apa-apa jua sebab sekalipun.

- (6) (a) Tiap-tiap Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan yang disebutkan dalam ceraiian (1) Fasal ini kecuali Ketua-ketua Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan, bolehlah meminta berhenti daripada jawatannya dengan bersurat dan bolehlah ditimbang dan diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan. Kemudian Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu bolehlah mengangkat penggantinya daripada ahli PAS dalam kawasan itu.
- (b) Ketua-ketua Dewan bolehlah meminta berhenti daripada Jawatankuasa Kerja Dewan-dewan PAS Kawasan itu, dan memberitahu keberhentiannya itu kepada Setiausaha PAS Kawasan untuk dimaklumkan kepada Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dalam mesyuarat atau dengan surat pekeliling, dan selama jawatan itu belum dipenuhi, maka Timbalannya bolehlah menduduki tempat di dalam Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dan Jawatankuasa Harian PAS Kawasan itu.
- (c) Setiausaha PAS Kawasan bolehlah meminta berhenti dengan menyatakan kehendak itu dengan bersurat kepada Yang Dipertua PAS Kawasan itu sebelum tarikh yang ia hendak berhenti itu, Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan bolehlah meluluskan permintaan itu.

- (d) Setiausaha PAS Kawasan yang dipecat sebagai ahli Perhubungan PAS Negeri mengikut Fasal 39(16) Perlembagaan ini dengan sendirinya terlucut jawatan sebagai Setiausaha PAS Kawasan, dan Yang Dipertua PAS Kawasan hendaklah melantik mana-mana ahli PAS dalam Kawasan itu sebagai Setiausaha PAS Kawasan mengikut Ceraian (4) Fasal ini.
- (7) Jika sekiranya Yang Dipertua PAS Kawasan itu berhenti atau diberhentikan atau apa-apa jua sebab yang menjadikan ia terhalang daripada dapat menunaikan tugasnya, maka Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan itu hendaklah menjalankan tugas dan kerja-kerjanya sehingga kepada Mesyuarat Agung Kawasan yang akan datang yang apa padanya pemilihan, jika kedua-duanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebabpun, maka Naib Yang Dipertua hendaklah dilantik memangku jawatan Yang Dipertua dan seorang dari Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku jawatan Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan dan seorang lagi dari Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku jawatan Naib Yang Dipertua PAS Kawasan di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan sehingga ke mesyuarat Agung Kawasan yang akan datang yang ada pemilihan. Dan di tempat mereka yang mereka kosongkan bolehlah dilantik gantinya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu daripada mana-mana jua ahli PAS di Kawasan itu.
- (8) Dengan tidak tertegah oleh syarat-syarat yang terkandung dalam ceraian (2), (3), (4), (5) dan (6) di atas, maka Jawatankuasa Kerja PAS

Kawasan adalah berkuasa memberhentikan atau menahan seseorang Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan daripada menjalankan kerja-kerjanya pada/atau dalam masa yang ditentukan. Akan tetapi tidaklah boleh diberhentikan seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja itu melainkan dengan persetujuan sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu.

- (9) Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Yang Dipertua PAS Kawasan itu, atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh satu pertiga daripada jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa itu yang meminta dengan bersurat kepada Setiausaha PAS Kawasan itu dan menyatakan sebab-sebabnya.
- (10) Satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu hadir adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuaratnya.
- (11) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha PAS Kawasan.
- (12) Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Ketua Dewan 'Ulamak, Ketua Dewan Pemuda, Ketua Dewan Muslimat, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya PAS Kawasan adalah dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian PAS Kawasan itu.

- (13) Tujuh orang dari jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Harian itu hadir adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuaratnya.
- (14) Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuaratnya seberapa banyak yang boleh dan hendaklah tidak kurang daripada enam kali dalam setahun.
- (15) Yang Dipertua atau Timbalannya, jika Yang Dipertua itu berhalangan, hendaklah mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dan Jawatankuasa Harian PAS Kawasan itu. Jika sekiranya Yang Dipertua atau Timbalannya berhalangan juga, maka hendaklah Naibnya mempengerusikan mesyuarat itu dan jika Naibnya juga berhalangan maka hendaklah salah seorang daripada ahli-ahli yang hadir dipilih menjadi pengerusi mesyuarat itu.

FASAL 29. Tugas-tugas Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan

- (1) Yang Dipertua
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Parti dalam kawasannya.
 - (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan, persefahaman dan kesungguhan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dalam menjalankan tugas dan melaksanakan tugas, kegiatan dan pentadbiran PAS Kawasan.

- (c) Menetap dan mengurus mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dan Jawatankuasa Harian PAS Kawasan.
- (2) Timbalan Yang Dipertua
- (a) Membantu tugas-tugas Yang Dipertua PAS Kawasan.
 - (b) Mengurus mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan, dan Jawatankuasa Harian PAS Kawasan apabila Yang Dipertua PAS Kawasan berhalangan atau tidak hadir.
 - (c) Menggantikan Yang Dipertua PAS Kawasan sebagai ahli Perhubungan PAS Negeri jika Yang Dipertua PAS Kawasan dipecat sebagai ahli Perhubungan PAS Negeri mengikut Fasal 39(16) Perlembagaan ini.
- (3) Naib Yang Dipertua
- (a) Membantu tugas-tugas Yang Dipertua PAS Kawasan.
 - (b) Mengurus mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan, dan Jawatankuasa Harian PAS Kawasan apabila Yang Dipertua PAS Kawasan dan Timbalannya berhalangan atau tidak hadir.
- (4) Setiausaha
- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Yang Dipertua dan Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan.

- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan pentadbiran Pejabat PAS Kawasan dan kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan, Jawatankuasa Harian dan Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Khas Kawasan.
 - (c) Melaporkan semua tindakan pentadbiran yang dilakukan kepada Yang Dipertua PAS Kawasan.
 - (d) Menyediakan penyata-penyata atau laporan-laporan kemajuan PAS Kawasan kepada mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan, Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan dan seterusnya Pejabat Agung.
 - (e) Mengambil kakitangan Pejabat PAS Kawasan samada bergaji atau tidak dengan persetujuan Jawatankuasa Harian PAS Kawasan.
- (5) Penolong Setiausaha
- (a) Membantu tugas-tugas Setiausaha PAS Kawasan
 - (b) Memangku jawatan Setiausaha ketika ketiadaan Setiausaha.
- (6) Bendahari
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan PAS Kawasan.
 - (b) Bertanggungjawab bagi menyediakan penyata tahunan PAS Kawasan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira, dan

membentangkan penyata itu kepada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan.

- (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan PAS Kawasan.

(7) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Kawasan.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan dalam Kawasan.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Yang Dipertua PAS Kawasan dan Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan dalam Kawasan.

(8) Pengarah Pilihan Raya

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya PAS Kawasan.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya PAS Kawasan.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Yang Dipertua PAS Kawasan dan Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Bertanggungjawab membantu menjalankan tugas-tugas Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan yang lain dan menjalankan arahan-arahan Yang Dipertua PAS Kawasan bagi meluas dan mengembangkan pengaruh PAS dalam kawasannya dan menubuhkan cawangan-cawangan serta membimbingnya ke arah kemajuan.
- (b) Menggalakkan semua kegiatan parti dalam semua bidang dan lapangan, termasuk pemuda, muslimat dan soal-soal kemasyarakatan amnya.
- (c) Mengambil berat terhadap masalah-masalah ditempatnya, dan jika perlu mengemukakan masalah itu hingga ke peringkat Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan.
- (d) Memberi sepenuh kerjasama kepada Badan Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan untuk penyatuan tenaga, sikap dan tindakan dalam segenap bidang.
- (e) Membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau lajnah-lajnah yang difikirkan perlu.
- (f) Memilih dan melantik ahli-ahli PAS bagi mewakili PAS Kawasan ke dalam sebarang kumpulan atau jemaah mesyuarat atau majlis-majlis perundingan dan perjumpaan dalam Kawasan itu. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan juga adalah berkuasa melantik daripada mana-mana ahli PAS dalam kawasan itu bagi memenuhi kekosongan mana-mana Ahli

Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu, sama ada oleh kerana ianya diberhenti, diberhentikan, meninggal dunia atau bercuti yang melebihi daripada 2 bulan.

- (g) Mengangkat wakil ke Muktamar PAS yang disebut dalam Fasal 18 Perlembagaan ini, jika wakil yang diangkat oleh Mesyuarat Agung PAS Kawasan tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.
 - (h) Pada amnya menjalankan tugas dan arahan-arahan yang diarahkan oleh Yang Dipertua PAS Kawasan serta bertanggungjawab bagi menjalankan usaha-usaha politik dan hal ehwal kawasannya sesuai dengan kehendak dan dasar PAS.
- (10) Tugas-tugas Jawatankuasa Harian PAS Kawasan
- (a) Membuat sebarang keputusan untuk kelincinan dan kelancaran kerja-kerja dan pentadbiran Pejabat PAS Kawasan dan urusan-urusan biasa parti di Kawasan.
 - (b) Menimbangkan sesuatu hal yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan mana-mana pihak di peringkat Kawasan selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas yang diperturunkan kepadanya oleh Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan dari masa ke semasa.

- (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan.

FASAL 30. Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan

- (1) Adapun Jawatankuasa Kerja bagi sesebuah cawangan PAS itu ialah:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Naib Ketua
 - (c) Seorang Setiausaha
 - (d) Seorang Bendahari
 - (e) Seorang Ketua Penerangan
 - (f) Seorang Ketua Jawatankuasa Pemuda
 - (g) Seorang Ketua Jawatankuasa Muslimat
 - (h) Tidak lebih daripada dua belas orang dan tidak kurang daripada enam orang Ahli Jawatankuasa Biasa PAS Cawangan.
- (2) Ketua, Naib Ketua, Ketua-Ketua Jawatankuasa Pemuda dan Muslimat PAS Cawangan, serta dua pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja seperti yang disebutkan dalam Ceraian (1)(h) Fasal ini hendaklah dipilih dalam mesyuarat agung tahunan daripada ahli-ahli PAS dalam Cawangan itu, dan akan memegang jawatan masing-masing selama dua tahun atau sehingga mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan dengan apa-apa sebab sekalipun.

- (3) Dengan tidak terikat kepada cerai (2) Fasal ini, sekiranya Mesyuarat Agung Tahunan PAS mana-mana cawangan gagal melantik Ketua Jawatankuasa Pemuda atau Muslimat di atas apa-apa sebab sekalipun, maka Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan itu adalah berkuasa melantik Ketua Jawatankuasa Kerja Pemuda atau Muslimatnya daripada ahli-ahli Pemuda PAS atau Muslimat PAS dalam Cawangan itu pada bila-bila masa di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja itu.
- (4) Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan serta satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang disebutkan dalam Cerai (1)(h) di atas hendaklah dilantik oleh Ketua Cawangan di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan daripada ahli-ahli PAS dalam Cawangan itu.
- (5) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan masing-masing selama dua tahun atau sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang ada pemilihan atau sehingga ia meletakkan jawatan atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan dengan apa-apa sebab sekalipun.
- (6) Jika Ketua Cawangan itu berhenti atau diberhentikan, maka Naibnya hendaklah memangku jawatan itu dan untuk mengisi kekosongan pada jawatannya itu boleh diangkat seorang daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan itu sebagai pemangku Naib Ketua dan akan memegang jawatan itu sehingga ke Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang ada pemilihan.

- (7) Seseorang Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan bolehlah meminta berhenti daripada Jawatankuasa itu dengan menyatakan kehendaknya dengan bersurat kepada Setiausaha PAS Cawangan itu, dan permintaannya itu bolehlah diluluskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa PAS Cawangan. Dan mesyuarat itu kemudiannya bolehlah mengangkat penggantinya daripada ahli-ahli PAS dalam Cawangan itu.
- (8) Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya tiga bulan sekali atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua Cawangan atau dengan kehendak satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan itu.
- (9) Satu pertiga daripada jumlah Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan itu hadir adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuaratnya.
- (10) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha PAS Cawangan.
- (11) Ketua PAS Cawangan atau jika dia berhalangan, maka Naibnya hendaklah menjadi pengerusi mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan.

FASAL 31. Jawatankuasa Kerja Pemuda dan Muslimat PAS Cawangan

- (1) Bagi memajukan dan mempergiatkan lagi perjalanan dan pergerakan parti dalam bidang-bidang kepemudaan dan kewanitaan, maka Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan hendaklah membentuk dan menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Pemuda dan Muslimat PAS Cawangan yang terdiri daripada:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Naib Ketua
 - (c) Seorang Setiausaha
 - (d) Seorang Bendahari
 - (e) Tidak lebih daripada enam orang Ahli Jawatankuasa Biasa.

- (2) (a) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pemuda PAS Cawangan itu hendaklah dilantik daripada kalangan pemuda-pemuda ahli PAS dalam Cawangan itu yang berumur 40 tahun ke bawah oleh Ketua Jawatankuasa Kerja Pemuda PAS Cawangan di dalam dan dengan persetujuan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan selepas Mesyuarat Agung PAS Cawangan yang ada pemilihan, dan hendaklah memegang jawatan masing-masing selama dua tahun atau sehingga Mesyuarat Agung Tahunan PAS Cawangan itu yang ada pemilihan atau sehingga ia meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerjanya dengan apa-apa jua sebab sekalipun.

- (b) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Muslimat PAS Cawangan itu hendaklah dilantik daripada kalangan muslimat-muslimat ahli PAS dalam Cawangan itu oleh Ketua Jawatankuasa Kerja Muslimat PAS Cawangan di dalam dan dengan persetujuan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan selepas Mesyuarat Agung PAS Cawangan yang ada pemilihan, dan hendaklah memegang jawatan masing-masing selama dua tahun atau sehingga Mesyuarat Agung Tahunan PAS Cawangan itu yang ada pemilihan atau sehingga ia meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerjanya dengan apa-apa jua sebab sekalipun.
- (3) Jawatankuasa-jawatankuasa ini hendaklah menyediakan sebuah buku daftar ahli yang dicatatkan di dalamnya nama, nombor kad pengenalan, umur (bagi pemuda), pekerjaan dan nombor sijil PAS pemuda-pemuda dan muslimat dalam Cawangan itu.
- (4) Jawatankuasa-Jawatankuasa ini bolehlah menjalankan kegiatannya masing-masing dengan syarat tidak berlawanan dengan dasar dan kehendak-kehendak Perlembagaan PAS dan tidak bercanggah dengan undang-undang negara, serta mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan.
- (5) Ketua dan Setiausaha Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja Pemuda dan Muslimat PAS Cawangan dan tidak lebih dari lima orang ahli Pemuda atau Muslimat yang dilantik oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerjanya masing-masing adalah menjadi ahli kepada Mesyuarat

Agung Tahunan/Khas Dewan-Dewan Pemuda dan Muslimat Kawasan.

- (6) Lima orang yang hadir daripada Jawatankuasa-Jawatankuasa ini adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuaratnya masing-masing.
- (7) Ketua, atau Naibnya jika Ketua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini berhalangan hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuaratnya masing-masing.

FASAL 32. Tugas-tugas Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan

- (1) Berikhtiar dengan seluas-luasnya mengembangkan pengaruh dan membanyakkan ahli-ahli PAS dalam Cawangannya.
- (2) Menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh PAS dari masa ke semasa.
- (3) Menyelaras dan membimbing kegiatan-kegiatan pemuda dan muslimat di cawangannya.
- (4) Pada amnya adalah bertanggungjawab bagi menjalankan pentadbiran cawangan dengan baik dan memajukan parti dalam lingkungan cawangannya.
- (5) Mengangkat wakil-wakil ke Mesyuarat Agung Tahunan/Khas PAS Kawasan jika wakil yang diangkat oleh Mesyuarat Agung PAS Cawangan tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.

FASAL 33. Notis Mesyuarat Jawatankuasa Kerja

- (1) Satu notis hendaklah dihantar oleh Setiausaha atau Penolong Setiausaha ketika ketiadaannya tidak kurang 7 hari daripada tarikh mesyuarat hendak dijalankan oleh mana-mana Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian yang disebut dalam Fasal 25, 28 dan 30 Perlembagaan ini.
- (2) Satu notis hendaklah dihantar oleh Setiausaha atau Penolong Setiausaha ketika ketiadaannya bagi Dewan-dewan Ulamak, Pemuda dan Muslimat tidak kurang 7 hari daripada tarikh mesyuarat hendak dijalankan oleh mana-mana Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat yang disebut dalam Fasal 44, 48, 52, 56, 60, 64, 68, 72 dan 76 Perlembagaan ini.
- (3) Satu notis hendaklah dihantar oleh Setiausaha atau Penolong Setiausaha Perhubungan PAS Negeri ketika ketiadaannya tidak kurang 7 hari daripada tarikh mesyuarat hendak dijalankan oleh mana-mana Badan Perhubungan PAS Negeri dan Jawatankuasa Harian Perhubungan Negeri yang disebut dalam Fasal 39 Perlembagaan ini.
- (4) Dengan mengabaikan Ceraian (1), (2) dan (3) Fasal ini, mana-mana mesyuarat khas Jawatankuasa Kerja yang disebut dalam Ceraian-ceraian di atas bolehlah diadakan pada bila-bila yang dikehendaki oleh Presiden atau Pesuruhjaya PAS Negeri atau Yang Dipertua PAS Kawasan atau Ketua PAS Cawangan atau Ketua Dewan-dewan berkenaan. Setiausaha Agung atau Setiausaha yang berkenaan

hendaklah mengeluarkan notis mesyuarat pada bila-bila masa yang sesuai dengan apa-apa cara yang difikirkan munasabah untuk menyampaikan notis tersebut.

BAB YANG KELAPAN PEJABAT-PEJABAT PAS

FASAL 34. Pejabat Setiausaha Agung

- (1) Pejabat Setiausaha Agung ialah di Pejabat Agung PAS sebagaimana yang disebutkan dalam Fasal 2 Perlembagaan ini.
- (2) Dengan tidak terhalang oleh Fasal 2 itu, maka Pejabat Agung PAS bolehlah ditempatkan di mana jua tempat dalam negara ini yang dipersetujui oleh Presiden di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat ataupun dengan apa-apa cara jua dipersetujui oleh Presiden dan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan syarat mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 35. Pejabat Setiausaha Perhubungan Negeri

- (1) Pejabat Perhubungan PAS Negeri itu ialah Pejabat Setiausaha Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan.
- (2) Pejabat itu boleh ditempatkan di mana-mana jua dalam negeri/Wilayah Persekutuan itu mengikut arahan Pesuruhjaya PAS Negeri/Wilayah Persekutuan dengan persetujuan Jawatankuasa Harian Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan itu.

FASAL 36. Pejabat Setiausaha Kawasan

- (1) Adapun Pejabat bagi satu-satu Kawasan PAS itu ialah Pejabat Setiausahanya.
- (2) Pejabat Setiausaha Kawasan itu boleh ditempatkan di mana-mana pun di dalam kawasannya yang dipersetujui oleh Yang Dipertua Kawasan itu dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu.

FASAL 37. Pejabat Setiausaha Cawangan

- (1) Pejabat bagi satu-satu cawangan PAS itu ialah Pejabat Setiausahanya.
- (2) Pejabat itu boleh ditempatkan di mana-mana jua tempat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan itu di dalam Kawasan Cawangannya.

FASAL 38. Pejabat Dewan-Dewan

- (1) Pejabat Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat itu ialah di Pejabat Agung PAS atau di mana-mana jua tempat dalam negara ini yang ditetapkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Dewan-dewan itu.
- (2) Pejabat Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri-negeri ialah di Pejabat Perhubungan PAS Negeri atau di mana-mana jua tempat dalam negeri itu yang dipersetujui oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan-Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat Negeri/Wilayah Persekutuan.

- (3) Pejabat bagi Dewan-dewan ‘Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan ialah di Pejabat Setiausaha PAS Kawasan-kawasan, atau di mana-mana jua tempat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja Dewan-dewan itu di dalam kawasannya masing-masing.
- (4) Pejabat Jawatankuasa-jawatankuasa Pemuda dan Muslimat PAS Cawangan ialah di Pejabat Setiausaha PAS Cawangan atau di mana-mana jua tempat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Pemuda dan Muslimat PAS Cawangan di dalam lingkungan Cawangan itu.

BAB YANG KESEMBILAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI / WILAYAH PERSEKUTUAN

FASAL 39. Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan

- (1) Di dalam bab ini perkataan ‘Perhubungan PAS Negeri’ adalah dikira telah termasuk Perhubungan PAS Wilayah Persekutuan.
- (2) Pada tiap-tiap negeri hendaklah ditubuhkan sebuah badan yang dinamakan ‘Perhubungan PAS Negeri’ dan ‘Perhubungan PAS Wilayah Persekutuan’ bagi Wilayah Persekutuan.
- (3) Adapun ahli-ahli bagi Perhubungan PAS Negeri itu ialah:
 - (a) Seorang Pesuruhjaya
 - (b) Tidak lebih daripada tiga orang Timbalan Pesuruhjaya.

- (c) Seorang Setiausaha
 - (d) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (e) Seorang Bendahari
 - (f) Seorang Ketua Penerangan
 - (g) Seorang Pengarah Pilihan Raya
 - (h) Ketua dan Setiausaha Dewan 'Ulamak PAS Negeri
 - (i) Ketua dan Setiausaha Dewan Pemuda PAS Negeri
 - (j) Ketua dan Setiausaha Dewan Muslimat PAS Negeri
 - (k) Yang Dipertua-Yang Dipertua PAS Kawasan
 - (l) Setiausaha-setiausaha PAS Kawasan
 - (m) Tidak lebih daripada tujuh orang ahli yang dilantik
- (4) Presiden hendaklah melantik seorang daripada ahli PAS untuk menjadi Pesuruhjaya PAS Negeri bagi tiap-tiap negeri di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, dan mereka adalah dengan sendirinya menjadi wakil Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Adapun Pesuruhjaya PAS Negeri itu akan memegang jawatannya selama dua tahun atau sehingga kepada Muktamar Tahunan PAS yang ada pemilihan dan boleh berhenti dan diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun.

- (5) Pesuruhjaya PAS Negeri di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Perhubungan PAS Negeri hendaklah melantik Timbalan-timbalannya, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya dan tujuh orang Ahli Perhubungan PAS Negeri menurut Ceraian (3)(b), (c), (d), (e), (f), (g) dan (m) dalam Fasal ini daripada ahli-ahli PAS dalam negeri itu.
- (6) Pesuruhjaya dengan persetujuan mesyuarat Perhubungan PAS Negeri bolehlah memberhentikan Timbalan-timbalannya, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya dan Ahli Perhubungan PAS Negeri yang disebut dalam Ceraian (3)(m) Fasal ini dan berkuasa untuk melantik penggantinya menurut cara ceraian (5) Fasal ini.
- (7) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada bila-bila masa mengikut timbangannya berkuasa membubar, menggantung dan mengambilalih pentadbiran Perhubungan PAS Negeri itu, dan pada ketika itu Pesuruhjaya PAS Negeri sahajalah yang berkuasa menjalankan tugas-tugas Perhubungan PAS Negeri dengan panduan terus daripada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
- (8) Perhubungan PAS Negeri-negeri hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Hariannya bagi menjalankan tugas-tugas biasa dan menyelesaikan perkara-perkara yang perlu disegerakan demi untuk kelancaran dan kelicinan pentadbiran dan perjalanan Perhubungan PAS Negeri itu.

- (9) Adapun anggota-anggota bagi Jawatankuasa Harian PAS Negeri-negeri itu hendaklah terdiri daripada:
- (a) Pesuruhjaya
 - (b) Timbalan-timbalan Pesuruhjaya
 - (c) Setiausaha
 - (d) Bendahari
 - (e) Ketua Penerangan
 - (f) Pengarah Pilihan Raya
 - (g) Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri
 - (h) Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri
 - (i) Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri
- (10) Sekiranya Setiausaha Perhubungan berkeuzuran dan tidak dapat menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Negeri, maka mana-mana seorang Penolong Setiausaha Perhubungan PAS Negeri bolehlah diwakilkan secara bersurat dan hadir dalam mesyuarat tersebut.
- (11) Mesyuarat Perhubungan PAS Negeri itu hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali, dan seboleh-bolehnya sebelum sidang Dewan Undangan Negeri di negeri itu atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya atau dengan permintaan bersurat daripada tidak kurang dari satu pertiga dari jumlah ahli-ahli Perhubungan PAS Negeri itu.

- (12) Jika Yang Dipertua dan Setiausaha satu-satu Kawasan PAS itu berhalangan untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat Perhubungan PAS Negeri atau dengan sebab-sebab yang lain, maka Timbalan Yang Dipertua dan Penolong Setiausaha PAS Kawasan dengan surat mewakilkannya daripada Yang Dipertua dan Setiausaha Kawasan itu bolehlah hadir, bersuara dan mengundi di dalam mana-mana mesyuarat Perhubungan PAS Negeri itu.
- (13) Jawatankuasa Harian PAS Negeri itu hendaklah mengadakan mesyuaratnya seberapa banyak yang boleh dan hendaklah tidak kurang dari enam kali dalam setahun.
- (14) Satu perdua daripada Ahli Perhubungan bagi mesyuarat Perhubungan PAS Negeri dan satu perdua daripada Ahli Jawatankuasa Harian PAS Negeri bagi mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Negeri yang hadir adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan kedua-dua mesyuarat itu.
- (15) Adapun seseorang Ahli Perhubungan PAS Negeri itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Perhubungan PAS Negeri jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Perhubungan PAS Negeri.
- (16) Adapun Ketua-ketua dan Setiausaha-setiausaha Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri, serta Yang Dipertua dan Setiausaha PAS Kawasan yang disebut dalam Ceraian (3)(h), (i), (j), (k) dan (l) Fasal ini bolehlah diberhentikan jawatannya sebagai Ahli Perhubungan PAS Negeri di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Perhubungan PAS

Negeri jika gagal hadir mesyuarat Perhubungan PAS Negeri sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Perhubungan PAS Negeri.

- (17) Ketua-ketua Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri serta Yang Dipertua PAS Kawasan yang dilucutkan jawatannya oleh Perhubungan PAS Negeri mengikut Fasal 39(16) tidaklah terlucut jawatan di peringkat Dewan-dewan dan Kawasan masing-masing. Timbalan-timbalan Ketua Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri serta Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan berkenaan dengan sendirinya menjadi Ahli Perhubungan PAS Negeri menggantikan Ketua-ketua Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri, serta Yang Dipertua PAS Kawasan yang diberhentikan jawatannya.
- (18) Kecuali pemegang jawatan yang disebut dalam Ceraian (17) Fasal ini, adapun pemegang jawatan yang dilucutkan jawatannya mengikut Fasal 39(16) dengan sendirinya terlucut jawatan di Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri serta PAS Kawasan berkenaan. Ketua-ketua Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri hendaklah melantik seorang Setiausaha Dewan baru dari kalangan mana-mana ahli Dewan berkenaan, manakala Yang Dipertua PAS Kawasan hendaklah melantik seorang Setiausaha PAS Kawasan dari kalangan ahli PAS dalam Kawasan berkenaan untuk menggantikan Setiausaha yang dilucutkan jawatannya oleh Perhubungan PAS Negeri.

- (19) Ketua-ketua Dewan ‘Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri yang dilucutkan jawatannya sebagai Ahli Perhubungan PAS Negeri mengikut Ceraian (16) Fasal ini dengan sendirinya terlucut jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Harian PAS Negeri yang disebut dalam Ceraian (9)(g), (h) dan (i) Fasal ini. Tempat mereka dalam Jawatankuasa Harian PAS Negeri akan digantikan oleh Timbalan masing-masing.
- (20) Pengerusi bagi mesyuarat Perhubungan dan Jawatankuasa Harian PAS Negeri itu ialah Pesuruhjaya PAS Negeri, dan jika ia berhalangan atau apa-apa jua sebab yang ia tidak dapat hadir dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, maka salah seorang daripada Timbalan-timbalannya hendaklah menggantikan mesyuarat-mesyuarat tersebut.
- (21) Jika Ketua-ketua Dewan ‘Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri itu berhalangan atau apa-apa jua sebab yang tidak dapat hadir dalam mana-mana mesyuarat Perhubungan atau Jawatankuasa Harian PAS Negeri, maka Timbalan Ketua masing-masing bolehlah diwakili secara bersurat untuk hadir, bersuara dan mengundi di dalam mesyuarat-mesyuarat itu.

FASAL 40. Tugas-tugas Perhubungan PAS Negeri

- (1) Pesuruhjaya
- (a) Bertanggungjawab sebagai wakil Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang mengetuai kesempurnaan perjalanan pentadbiran, gerakan dan kegiatan PAS dalam negerinya.

- (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Perhubungan PAS Negeri dalam menjalankan tugas masing-masing.
 - (c) Melantik Timbalan-timbalan Pesuruhjaya, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya dan Ahli Perhubungan PAS Negeri di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Perhubungan PAS Negeri menurut Fasal 39(5).
 - (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Perhubungan dan Jawatankuasa Harian PAS Negeri.
- (2) Timbalan-timbalan Pesuruhjaya
- (a) Membantu tugas-tugas Pesuruhjaya PAS Negeri.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Perhubungan dan Jawatankuasa Harian PAS Negeri apabila Pesuruhjaya berhalangan atau tidak hadir.
- (3) Setiausaha
- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Pesuruhjaya dan mesyuarat Perhubungan PAS Negeri.
 - (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan perlaksanaan pentadbiran Pejabat Perhubungan PAS Negeri dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan

mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Negeri.

- (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Perhubungan dan Jawatankuasa Harian PAS Negeri.
- (d) Menyediakan sebarang penyata atau laporan mengenai kerja dan kemajuan PAS Negeri bagi tujuan Muktamar PAS Pusat dan mesyuarat-mesyuarat Perhubungan dan Jawatankuasa Harian PAS Negeri.

(4) Penolong Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Perhubungan PAS Negeri.
- (b) Membantu Setiausaha Perhubungan PAS Negeri dalam urusan pentadbiran Pejabat PAS Negeri dan penyelarasan kepada kerja-kerja dan tugas-tugas yang diperuntukkan kepada Setiausaha Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat.
- (c) Membantu tugas-tugas Setiausaha Perhubungan PAS Negeri.

(5) Bendahari

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Perhubungan PAS Negeri.
- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan Perhubungan PAS Negeri untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira PAS Negeri dan membentangkan penyata itu kepada mesyuarat terakhir

Perhubungan PAS Negeri sebelum daripada Muktamar Tahunan PAS Pusat.

- (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Perhubungan PAS Negeri.

(6) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan PAS Negeri.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan PAS Negeri.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Pesuruhjaya dan Badan Perhubungan PAS Negeri atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan PAS Negeri.

(7) Pengarah Pilihan Raya

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya PAS Negeri
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya PAS Negeri
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Pesuruhjaya PAS Negeri dan Badan Perhubungan PAS Negeri atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya

(8) Ahli-ahli Perhubungan

- (a) Menubuh dan/atau mengawasi PAS Kawasan-kawasan dalam negerinya serta menyatukan sikap dan pentadbirannya mengikut Perlembagaan PAS, Aturan dan Peraturan dan sebarang aturan parti dari masa ke semasa.
- (b) Membantu Jawatankuasa Kerja PAS Pusat menubuhkan Cawangan-cawangan PAS di tempat yang belum ditubuhkan PAS Kawasan mengikut Fasal 24(2).
- (c) Menubuhkan Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri serta membantunya dari masa ke semasa dengan kerjasama Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat.
- (d) Menyedia dan mengemukakan rancangan-rancangan, polisi-polisi dan menentukan sikap serta pendirian Perhubungan PAS Negeri itu yang sesuai dengan dasar dan tujuan PAS kepada ahli-ahli parti yang menjadi pemutus dalam sesebuah negeri yang dikuasai oleh PAS, dan meneliti perjalanan kerajaan selaras dengan kehendak Parti.
- (e) Menyatukan sikap ahli-ahli PAS di dalam Dewan Undangan Negeri supaya sebarang tindakan di dalam dan di luar dewan itu dapat dipertanggungjawabkan kepada dasar dan keutuhan parti.
- (f) Meneliti dan mengkaji sebarang polisi, rancangan dan sikap kerajaan di negeri

yang tidak dikuasai oleh PAS untuk memudahkan sebarang langkah yang diperlu diambil oleh ahli-ahli PAS di dalam atau di luar dewan.

- (g) Memberi sepenuh kerjasama kepada Pejabat Agung PAS demi untuk menyatukan sikap dan tindakan dalam segenap bidang.
- (h) Mengemukakan pandangan dan cadangan kepada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bagi kebaikan dan kemajuan PAS.
- (i) Membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau lajnah-lajnah yang difikirkan patut bagi melaksanakan tugas-tugas tertentu.

FASAL 41. Tugas-tugas Jawatankuasa Harian PAS Negeri.

- (1) Membuat sebarang keputusan untuk kelicinan perjalanan dan kerja-kerja pentadbiran Pejabat Perhubungan PAS Negeri dan urusan-urusan dalam negeri itu.
- (2) Menimbang sesuatu hal yang mustahak yang terpaksa disegerakan, dan memaklumkan sebarang tindakan dan keputusan yang diambil kepada mesyuarat Perhubungan PAS Negeri bagi pengesahannya.
- (3) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Negeri selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
- (4) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Perhubungan PAS Negeri.

- (5) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Ceraian (1), (2) dan (3) Fasal ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Perhubungan PAS Negeri.

BAB YANG KESEPULUH DARIHAL DEWAN-DEWAN

FASAL 42. Dewan 'Ulamak PAS Pusat

- (1) Sebuah Dewan 'Ulamak PAS Pusat iaitu dewan yang tertinggi dalam PAS hendaklah ditubuhkan melalui Muktamar Tahunannya.
- (2) Pejabat bagi Dewan 'Ulamak PAS Pusat ialah sepertimana yang telah dinyatakan dalam Fasal 38(1) Perlembagaan ini.
- (3) Ahli bagi Dewan 'Ulamak ialah tuan-tuan guru atau/dan siswazah-siswazah lulusan apa-apa bidang pengajian Islam dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi atau mana-mana orang yang menguasai pengajian Islam yang telah menjadi ahli PAS.
- (4) Dewan 'Ulamak PAS Pusat hendaklah menyediakan dan menyimpan sebuah buku besar daftar ahli yang dicatatkan di dalamnya butir-butir, Nama, No.Kad Pengenalan, Alamat, Pekerjaan, Kelulusan Pengajian dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS. Buku itu hendaklah disimpan di Pejabat Setiausaha Dewan 'Ulamak PAS Pusat.

FASAL 43. Muktamar Dewan 'Ulamak PAS Pusat

- (1) Muktamar Dewan 'Ulamak PAS Pusat hendaklah diadakan sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya dalam bulan April atau mana-mana masa atau tarikh yang terdahulu sedikit daripada Muktamar Tahunan PAS, atau pada bila-bila jua masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat. Satu notis muktamar hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh muktamar hendak diadakan.
- (2) Muktamar Khas Dewan 'Ulamak PAS Pusat bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat atau satu pertiga daripada Dewan 'Ulamak PAS Kawasan. Maka Muktamar Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Muktamar itu diadakan.
- (3) Ahli-ahli bagi Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
 - (c) Ketua-ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri atau Timbalannya atau Naibnya dengan kebenaran bersurat jika Ketua atau Timbalan berhalangan.

- (d) Ketua Dewan ‘Ulamak Kawasan atau Timbalannya atau Naibnya dengan kebenaran bersurat jika Ketuanya atau Timbalan Ketuanya berhalangan.
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang wakil yang dipilih dan diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan ‘Ulamak PAS Kawasan.
- (4) Satu perdua daripada ahli-ahli Muktamar di atas hadir adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan Muktamar itu.
 - (5) Pengerusi bagi Muktamar itu ialah Pengerusi Tetap dan/atau Timbalannya.
 - (6) Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Muktamar itu hendaklah dipilih dua tahun sekali atau pada Muktamar Tahunan Dewan ‘Ulamak yang ada pemilihannya.
 - (7) Muktamar Tahunan Dewan ‘Ulamak PAS Pusat berkuasa mengangkat 20 wakil ke Muktamar Tahunan PAS mengikut Fasal 18(2)(f).

FASAL 44. Jawatankuasa Kerja Dewan ‘Ulamak PAS Pusat

- (1) Adapun Jawatankuasa Kerja Dewan ‘Ulamak PAS Pusat itu ialah:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha

- (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak
 - (i) Tidak lebih daripada lapan belas orang Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa.
- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan dua pertiga daripada Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraian (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat yang ada pemilihannya daripada 'Ulamak-ulamak yang telah menjadi ahli PAS.
- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak dan satu pertiga daripada Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh Ketua di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat daripada 'Ulamak-ulamak yang telah menjadi ahli PAS, dan akan memegang jawatannya selama dua tahun atau sehingga kepada Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat yang ada pemilihannya, sehingga dia berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat dengan apa-apa jua sebab.

- (4) Jika sekiranya ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat itu berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun, maka Timbalan Ketuaanya hendaklah memangku jawatan itu sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan jika kedua-duanya berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketuaanya hendaklah dilantik memangku jawatan ketuaanya dan seorang daripada jawatankuasa kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat hendaklah dilantik memangku jawatan Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan seorang dilantik memangku jawatan Naib Ketua Dewan Ulamak itu oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat sehingga kepada Muktamar pemilihan yang akan datang, dan jika Naib Ketuaanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat hendaklah dilantik memangku jawatan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan seorang dilantik memangku jawatan Timbalan Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat dan seorang dilantik memangku jawatan Naib Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan di tempat mereka yang mereka kosongkan bolehlah dilantik gantinya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana jua 'Ulamak yang telah menjadi ahli PAS.
- (5) Tiap-tiap seorang Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraiian (1) Fasal ini bolehlah memohon berhenti daripada jawatannya dengan menulis surat kepada Setiausaha atau Ketua, dan permintaannya itu boleh diluluskan oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan ini

apabila ia berpuas hati dengan sebab-sebab keberhentian itu.

- (6) Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat ini hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua atau dengan permintaan bersurat tidak kurang daripada satu pertiga daripada jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (7) Cukup bilang bagi menjalankan satu-satu mesyuarat Jawatankuasa Kerja ini ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir dan cukup bilang bagi mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat itu ialah lima orang daripada ahlinya hadir.
- (8) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.
- (9) Ketua, atau Timbalannya jika Ketua itu berhalangan hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan itu.
- (10) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak Dewan ini adalah dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat.

(11) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat yang disebut dalam Ceraian (10) Fasal ini mempunyai tugas-tugas berikut:

- (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
- (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
- (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
- (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
- (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat

FASAL 45. Tugas-tugas Dewan 'Ulamak PAS Pusat

(1) Ketua

- (a) Bertanggungjawab mengetuai kesempurnaan perjalanan pentadbiran, gerakan dan kegiatan Dewan 'Ulamak PAS dalam negara ini.

- (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan, persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat dalam menjalankan tugas masing-masing.
 - (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulamak PAS Pusat.
 - (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
- (2) Timbalan Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.
- (3) Naib Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa

Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat apabila Ketua atau Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat berhalangan atau tidak hadir.

(4) Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan pelaksanaan pentadbiran pejabat Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
- (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Pusat.

(5) Penolong Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan 'Ulamak PAS Pusat
- (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan 'Ulamak PAS Pusat

(6) Bendahari

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan 'Ulamak PAS Pusat .

- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan membentangkan penyata itu kepada Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
 - (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
- (7) Ketua Penerangan
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
 - (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Dewan 'Ulamak PAS Pusat.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.
- (8) Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan 'Ulamak PAS Pusat
 - (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan 'Ulamak PAS Pusat
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan

Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Pusat atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Menyatu tenaga dan pemikiran 'Ulamak Islam bagi memperkuat dan mempertingkatkan perjuangan Islam di negeri ini dan berusaha mengembang dan menyebarkan kefahaman dan kesedaran Islam ke segenap lapisan masyarakat menerusi gerakan dakwah dan pengembelingan tenaga ummah yang berterusan.
- (b) Mengadakan muzakarah-muzakarah bagi membincangkan sebarang isu berkaitan hukum-hukum syarak dan menasihati Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dalam isu-isu yang menyentuh hukum syarak.
- (c) Menyusun, mengatur dan menjalankan kegiatan tarbiyah dan pendidikan di kalangan ahli-ahli dan mengatur program-program latihan kepimpinan bagi membentuk petugas-petugas parti yang berilmu, beriman, bertaqwa, berpengalaman dan memahami perkembangan semasa.
- (d) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dari masa ke semasa dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu bagi mengkaji, menimbang dan melaksanakan tugas-tugas dan masalah-masalah tertentu Dewan atau/dan PAS seluruhnya.

- (e) Membantu Perhubungan PAS Negeri menubuhkan Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan membantu Dewan 'Ulamak PAS Negeri menubuhkan Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dengan kerjasama Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan.
- (f) Mengangkat wakil ke Mukhtamar Khas PAS yang disebut dalam Fasal 18 Perlembagaan ini, jika wakil yang diangkat oleh Mukhtamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.

FASAL 46. Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan

- (1) Sebuah Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan yang kemudiannya disebut 'Dewan 'Ulamak PAS Negeri' sahaja hendaklah ditubuhkan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan 'Ulamak PAS Pusat yang ahli-ahlinya terdiri daripada mereka yang disebutkan dalam Fasal 42(3) Perlembagaan ini, yang telah menjadi ahli PAS dalam negeri itu.
- (2) Pejabat bagi Dewan 'Ulamak Negeri itu ialah seperti mana yang disebutkan di dalam Fasal 38(2) Perlembagaan ini.
- (3) Sebuah buku daftar ahli bagi Dewan 'Ulamak PAS Negeri yang dicatatkan di dalamnya, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat, Pekerjaan, Kelulusan Pengajian dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan dan disimpan di Pejabat Setiausaha Dewan 'Ulamak PAS Negeri itu.

FASAL 47. Muktamar Dewan 'Ulamak PAS Negeri

- (1) Dewan 'Ulamak PAS Negeri hendaklah mengadakan Muktamarnya sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri itu. Satu notis muktamar hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh muktamar hendak diadakan.
- (2) Muktamar Khas Dewan 'Ulamak PAS Negeri bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri atau satu pertiga daripada Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dalam negeri itu. Maka Muktamar Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Muktamar itu diadakan.
- (3) Ahli-ahli bagi Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Negeri itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri
 - (c) Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan atau Timbalannya atau Naibnya dengan kebenaran secara bersurat jika Ketua dan Timbalannya berhalangan.

- (d) Tidak lebih daripada tujuh orang wakil yang dipilih dan diangkat oleh Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Mukhtamar itu ialah satu perdua daripada ahli-ahli Mukhtamar itu hadir.
- (5) Pengerusi bagi Mukhtamar Dewan 'Ulamak PAS Negeri itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalannya yang dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mukhtamar Tahunan Dewan 'Ulamak Negeri yang ada pemilihannya, daripada kalangan ahli-ahli PAS.

FASAL 48. Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri itu hendaklah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak
 - (i) Tidak lebih daripada lima belas orang Ahli Jawatankuasa Biasa.

- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan dua pertiga daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraian (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mukhtamar Dewan 'Ulamak PAS Negeri daripada 'Ulamak-ulamak yang telah menjadi ahli PAS pada dua tahun sekali atau dalam Mukhtamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Negeri yang ada pemilihannya.
- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak dan satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh Ketua di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri itu daripada 'Ulamak-Ulamak yang telah menjadi ahli PAS dalam negeri itu, dan akan memegang jawatannya selama dua tahun sehingga kepada Mukhtamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Negeri yang ada pemilihannya, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun.
- (4) Jika sekiranya Ketua Dewan itu berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun, maka Timbalannya hendaklah memangku jawatan Ketua itu sehingga kepada Mukhtamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Negeri yang akan datang yang ada pemilihannya jika sekiranya kedua-duanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa sebab pun, maka Naib Ketuanya hendaklah dilantik memangku jawatan Ketuanya dan seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan itu dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua oleh

Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan jika Naib Ketuanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan seorang dilantik memangku jawatan Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan seorang dilantik memangku jawatan Naib Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan di tempat yang mereka kosongkan bolehlah dilantik gantinya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana jua 'Ulamak yang telah menjadi ahli PAS dalam negeri itu.

- (5) Jawatankuasa Dewan 'Ulamak PAS Negeri hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya tiga kali dalam setahun, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua atau dengan permintaan bersurat tidak kurang daripada satu pertiga daripada jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (6) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja ini ialah satu perdu daripada ahli-ahlinya dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan ini ialah lima orang daripada ahli-ahlinya.
- (7) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri itu bolehlah diliucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali

berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.

- (8) Ketua, atau Timbalan Ketua, jika Ketua Dewan itu berhalangan hendaklah mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan itu.
- (9) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak Dewan 'Ulamak PAS Negeri adalah dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (10) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Negeri mempunyai tugas-tugas berikut:
 - (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
 - (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan

(a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri.

(11) Ketua dan Setiausaha Dewan 'Ulamak PAS Negeri adalah dengan sendirinya menjadi Ahli Badan Perhubungan PAS Negeri.

FASAL 49. Tugas-tugas Dewan 'Ulamak PAS Negeri

(1) Ketua

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan pentadbiran, gerakan dan kegiatan Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan, persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri dalam menjalankan tugas masing-masing.
- (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Negeri.

(2) Timbalan Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Negeri apabila Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri berhalangan atau tidak hadir.
- (c) Menggantikan Ketua sebagai Ahli Perhubungan PAS Negeri dan Ahli Jawatankuasa Harian PAS Negeri jika Ketua dilucutkan jawatannya mengikut Fasal 39(16).

(3) Naib Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Negeri apabila Ketua atau Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri berhalangan atau tidak hadir.

(4) Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan pelaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan

mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Negeri.

- (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Negeri.

(5) Penolong Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan 'Ulamak PAS Negeri.

(6) Bendahari

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan membentangkan penyata itu kepada Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
- (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan 'Ulamak PAS Negeri.

(7) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Dewan 'Ulamak PAS Negeri.

- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.
- (8) Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
 - (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan 'Ulamak PAS Negeri.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Negeri atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.
- (9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja
- (a) Menjalankan usaha-usaha dalam negerinya untuk menyatukan tenaga dan pemikiran 'Ulamak bagi memperkuat dan mempertingkatkan perjuangan Islam.
 - (b) Mengadakan muzakarah-muzakarah bagi membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan hukum-hukum syarak dan menasihati Perhubungan PAS Negeri dalam perkara berhubung dengan hukum syarak.

- (c) Menyusun dan menjalankan kegiatan tarbiyah dan pendidikan di kalangan ahli-ahli PAS Negeri dan mengatur program latihan kepimpinan bagi membentuk petugas-petugas parti yang berilmu, beriman, bertaqwa, berpengalaman dan memahami perkembangan semasa.
- (d) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan.

FASAL 50. Dewan ‘Ulamak PAS Kawasan

- (1) Sebuah Dewan ‘Ulamak PAS Kawasan bolehlah ditubuhkan oleh Dewan ‘Ulamak PAS Negeri dengan kerjasama Dewan ‘Ulamak PAS Pusat, Badan Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan dalam sebuah Kawasan PAS atau Kawasan Parlimen dengan syarat telah sedia ada tidak kurang daripada dua puluh lima (25) orang ‘Ulamak-‘ulamak ahli PAS dalam kawasan itu.
- (2) Pejabat bagi Dewan ‘Ulamak PAS Kawasan itu ialah sepertimana yang telah disebutkan di dalam Fasal 38(3) Perlembagaan ini.
- (3) Sebuah buku daftar ahli bagi Dewan ‘Ulamak PAS Kawasan yang dicatatkan di dalamnya, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat, Pekerjaan, Kelulusan Pengajian dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan dan disimpan oleh Setiausaha di Pejabat Dewan ‘Ulamak PAS Kawasan itu.

FASAL 51. Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak PAS Kawasan

- (1) Dewan 'Ulamak PAS Kawasan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Mesyuarat Agung PAS Kawasan dan Muktamar Dewan 'Ulamak PAS Negeri, atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu. Satu notis mesyuarat agung hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh mesyuarat agung hendak diadakan.
- (2) Mesyuarat Agung Khas Dewan 'Ulamak PAS Kawasan bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan atau satu pertiga daripada ahli-ahli 'ulamak dalam Kawasan itu. Maka Mesyuarat Agung Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Mesyuarat Agung itu diadakan.
- (3) Ahli bagi Mesyuarat Agung Tahunan/Khas Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
 - (c) 'Ulamak-'ulamak yang telah menjadi ahli PAS di dalam kawasan itu dan telah disahkan sebagai ahli Dewan 'Ulamak PAS berdasarkan fasal 42(3) Perlembagaan ini.

- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu ialah satu perdua daripada ahli-ahli yang di atas hadir.
- (5) Pengerusi bagi Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalannya jika ianya berhalangan dengan apa-apa jua sebab sekalipun. Kedua-dua mereka hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan yang ada pemilihan.
- (6) Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak PAS Kawasan berkuasa mengangkat tidak lebih tiga orang wakil ke Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Pusat, tidak lebih tujuh orang wakil ke Muktamar Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan lima belas orang ke Mesyuarat Agung PAS Kawasan.

FASAL 52. Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu adalah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari

- (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak, dan
 - (i) Dua belas orang Jawatankuasa Biasa.
- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan lapan orang daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Kawasan daripada 'ulamak-'ulamak ahli PAS dalam kawasan itu pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mesyuarat Agung Tahunannya yang ada pemilihan.
- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak dan empat orang daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh ketua di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulamak PAS Kawasan itu daripada 'ulamak-'ulamak ahli PAS dalam Kawasan itu, dan akan memegang jawatan itu selama dua tahun atau sehingga kepada Mesyuarat Agung yang akan datang yang ada pemilihan, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun.
- (4) Jika sekiranya Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa sebab sekalipun, maka Timbalannya hendaklah memangku jawatan itu sehingga kepada Mesyuarat Agung Dewan 'Ulamak PAS Kawasan yang akan datang yang ada pemilihan. Jika kedua-duanya berhenti atau diberhentikan

dengan apa-apa sebabpun maka Naib Ketuaanya hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketuaanya dan seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan itu dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga ke Mesyuarat Agung yang akan datang yang ada padanya pemilihan. Dan jika Naib Ketuaanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dan seorang dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua 'Ulamak PAS Kawasan dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga kepada Mesyuarat yang akan datang yang ada padanya pemilihan.

- (5) Dan di tempat yang mereka kosongkan bolehlah dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana jua 'Ulamak ahli PAS dalam kawasan itu.
- (6) Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan hendaklah mengadakan mesyuaratnya tidak kurang daripada tiga kali dalam setahun atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua atau dengan permintaan bersurat daripada satu pertiga Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja itu.

- (7) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian itu ialah lima orang daripada ahli-ahlinya hadir.
- (8) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.
- (9) Ketua hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan itu, dan jika ia berhalangan maka Timbalannya hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.
- (10) Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan adalah dengan sendirinya menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan. Jika Ketua Dewan 'Ulamak itu berhalangan atau apa-apa jua sebab yang ia tidak dapat hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan, maka Timbalannya bolehlah diwakilkan secara bersurat untuk hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat itu.
- (11) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak itu dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.

- (12) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan mempunyai tugas-tugas berikut:
- (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
 - (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.

FASAL 53. Tugas-tugas Dewan 'Ulamak PAS Kawasan

- (1) Ketua
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan pentadbiran, gerakan dan kegiatan Dewan 'Ulamak PAS dalam kawasannya.
 - (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan,

persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dalam menjalankan tugas masing-masing.

- (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.

(2) Timbalan Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.

(3) Naib Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan

apabila Ketua dan Timbalan Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan berhalang atau tidak hadir.

(4) Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan.
- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan pelaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.

(5) Penolong Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.

(6) Bendahari

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh

Pemeriksa Kira-kira Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dan membentangkan penyata itu kepada Mesyuarat Agung Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.

- (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan 'Ulamak PAS Kawasan.

(7) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan 'Ulamak PAS dalam kawasannya.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan 'Ulamak PAS Kawasan.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS Kawasan atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.

(8) Pengarah Pilihan Raya 'Ulamak

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan 'Ulamak PAS Kawasan
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan 'Ulamak PAS Kawasan
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan 'Ulamak PAS Kawasan dan Jawatankuasa Kerja Dewan 'Ulamak PAS

Kawasan atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya

- (9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja
- (a) Menjalankan usaha-usaha dalam kawasanya untuk menyatukan tenaga dan pemikiran 'Ulamak bagi memperkuat dan mempertingkatkan perjuangan Islam.
 - (b) Meluaskan pengaruh PAS dalam kawasan itu melalui kegiatan-kegiatan keagamaan dan pentarbiyahan sambil berusaha membimbing dan memimpin mereka ke arah cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS.
 - (c) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
 - (d) Mengangkat wakil ke Muktamar Khas Dewan 'Ulamak PAS Pusat dan/atau Muktamar Khas Dewan 'Ulamak PAS Negeri dan/atau Mesyuarat Agung Khas PAS Kawasan jika wakil yang diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan 'Ulamak PAS Kawasan tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.

FASAL 54. Dewan Pemuda PAS Pusat

- (1) Sebuah Dewan Pemuda PAS Pusat hendaklah ditubuhkan melalui Muktamarnya.
- (2) Pejabat bagi Dewan Pemuda PAS Pusat ialah sepertimana yang telah dinyatakan dalam Fasal 38(1) Perlembagaan ini.

- (3) Pemuda-pemuda ahli PAS yang berumur empat puluh tahun ke bawah dengan sendirinya menjadi ahli bagi Dewan Pemuda PAS.
- (4) Sebuah buku besar daftar ahli bagi Dewan Pemuda PAS Pusat yang dicatatkan di dalamnya butir-butir, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Umur, Alamat, Pekerjaan dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan dan disimpan di Pejabat Dewan Pemuda PAS Pusat.

FASAL 55 Mukhtar Dewan Pemuda PAS Pusat

- (1) Mukhtar Dewan Pemuda PAS Pusat hendaklah diadakan sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya dalam bulan April atau mana-mana tarikh yang terdahulu sedikit dari tarikh Mukhtar Tahunan PAS, atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat. Satu notis hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh mukhtar hendak diadakan.
- (2) Mukhtar Khas Dewan Pemuda PAS Pusat bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat atau satu pertiga daripada Dewan Pemuda PAS Kawasan. Maka Mukhtar Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Mukhtar itu diadakan.
- (3) Ahli-ahli bagi Mukhtar Tahunan Dewan Pemuda itu ialah:

- (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat.
 - (c) Ketua-ketua Dewan Pemuda PAS Negeri atau Timbalannya atau naibnya dengan kebenaran bersurat jika Ketuanya atau Timbalan Ketuanya berhalangan.
 - (d) Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan atau timbalannya atau naibnya dengan kebenaran bersurat jika ketuanya atau timbalan ketuanya berhalangan.
 - (e) Tidak lebih tiga orang wakil yang dipilih dan diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan.
- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Mukhtamar itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya yang di atas hadir.
- (5) Pengerusi bagi Mukhtamar itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetapnya jika Pengerusi Tetap itu berhalangan.
- (6) Pengerusi Tetap dan Timbalannya hendaklah dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada Mukhtamar Tahunan Dewan Pemuda yang ada pemilihan daripada ahli-ahli PAS yang berumur walaupun lebih daripada empat puluh tahun.
- (7) Mukhtamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat berkuasa mengangkat 20 wakil ke Mukhtamar Tahunan PAS mengikut Fasal 18(2)(g).

FASAL 56. Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat itu adalah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya Pemuda
 - (i) Tidak lebih daripada lapan belas orang Ahli Jawatankuasa Biasa.

- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan dua pertiga daripada Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraihan (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat yang ada pemilihan, daripada pemuda-pemuda ahli PAS yang berumur empat puluh tahun ke bawah, kecuali Ketua dan Timbalan Ketua yang disebut dalam ceraihan (1)(a) dan (1)(b) Fasal ini boleh dipilih dan dilantik dalam mana-mana Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat yang ada pemilihannya daripada ahli-ahli PAS dalam

negara ini dengan tiada sebarang sekatan umurnya.

- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Pemuda dan satu pertiga daripada Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraihan (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh Ketua daripada pemuda-pemuda ahli PAS yang berumur empat puluh tahun ke bawah di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu dan akan memegang jawatannya selama dua tahun atau sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihan, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (4) Jika sekiranya Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat itu berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun, maka Timbalannya hendaklah memangku Jawatan itu sehingga kepada Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS yang akan datang yang ada padanya pemilihan. Jika kedua-duanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab pun, maka Naib Ketuanya hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketuanya dan seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan itu dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga ke Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihan. Dan jika Naib Ketuanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan itu hendaklah

dilantik memangku Jawatan Ketua dan seorang dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan itu di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga kepada Muktamar Tahunan yang ada pemilihannya. Dan di tempat mereka yang mereka dikosongkan bolehlah dilantik gantinya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana jua pemuda yang telah menjadi ahli PAS.

- (5) Tiap-tiap seorang daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan ini boleh memohon berhenti dengan bersurat kepada Ketua atau Setiausaha dengan menyatakan sebab-sebabnya. Ketua atau Setiausaha hendaklah mengangkat permohonan itu ke dalam majlis mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat untuk ditimbang sama ada ditolak atau diluluskan.
- (6) Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Pusat hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya tiga bulan sekali, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua Dewan itu atau dengan permintaan bersurat daripada tidak kurang dari satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (7) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya Pemuda Dewan itu dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan pemuda PAS Pusat.

- (8) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Pusat mempunyai tugas-tugas berikut:
- (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan Pemuda PAS Pusat dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat.
 - (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat
- (9) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir, dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Pusat itu ialah lima orang daripada ahli-ahlinya hadir.
- (10) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda

PAS Pusat jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.

- (11) Ketua, atau Timbalannya jika Ketua itu berhalangan, hendaklah mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan itu.

FASAL 57. Tugas-tugas Dewan Pemuda PAS Pusat

(1) Ketua

- (a) Bertanggungjawab mengetuai kesempurnaan perjalanan pentadbiran, gerakan dan kegiatan Dewan Pemuda PAS dalam negara ini.
- (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan, persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat dalam menjalankan tugas masing-masing.
- (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Pemuda dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat.
- (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Pusat.

(2) Timbalan Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Pusat apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.

(3) Naib Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat.
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Pusat apabila Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat berhalangan atau tidak hadir.

(4) Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan perlaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan Pemuda PAS Pusat dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Pusat.
- (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Pusat.

(5) Penolong Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat
- (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan Pemuda PAS Pusat

(6) Bendahari

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan Pemuda PAS Pusat.
- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira Dewan Pemuda PAS Pusat dan membentangkan penyata itu kepada Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat.
- (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan Pemuda PAS Pusat.

(7) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Pemuda PAS.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Pemuda PAS.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat atas segala tindakan

dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.

(8) Pengarah Pilihan Raya Pemuda

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan Pemuda PAS Pusat.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan Pemuda PAS Pusat.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat dan Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Menyatupadukan tenaga dan fikiran pemuda PAS di seluruh negara.
- (b) Membantu Badan Perhubungan PAS Negeri menubuhkan Dewan Pemuda PAS Negeri, dan membantu Dewan Pemuda PAS Negeri menubuhkan Dewan Pemuda PAS Kawasan dengan kerjasama Badan Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan.
- (c) Meluaskan pengaruh PAS di kalangan pemuda melalui kegiatan belia sambil berusaha membentuk keperibadian mereka supaya menjadi pemuda yang bertanggungjawab kepada agama dan negara serta menyakinkan mereka kepada cita-cita yang diperjuangkan oleh PAS.

- (d) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (e) Mengangkat wakil ke Muktamar Khas PAS yang disebut dalam Fasal 18 Perlembagaan ini, jika wakil yang diangkat oleh Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.

FASAL 58. Dewan Pemuda PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan

- (1) Sebuah Dewan Pemuda PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan yang kemudiannya disebut 'Dewan Pemuda PAS Negeri' sahaja hendaklah ditubuhkan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Pemuda PAS Pusat yang dianggotai oleh pemuda-pemuda ahli PAS dalam negeri itu sepertimana yang disebutkan dalam Fasal 54(3) Perlembagaan ini.
- (2) Pejabat bagi Dewan Pemuda PAS Negeri itu ialah sepertimana yang telah disebutkan di dalam Fasal 38(2) Perlembagaan ini.
- (3) Sebuah buku daftar ahli bagi Dewan Pemuda PAS Negeri yang dicatatkan di dalamnya, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Umur, Alamat, Pekerjaan dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan dan disimpan di Pejabat Dewan Pemuda PAS Negeri itu.

FASAL 59. Muktamar Dewan Pemuda PAS Negeri

- (1) Dewan Pemuda PAS Negeri hendaklah mengadakan Muktamar Tahunan sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Muktamar Dewan Pemuda PAS Pusat, atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri itu. Satu notis hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh muktamar hendak diadakan.
- (2) Muktamar Khas Dewan Pemuda PAS Negeri bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri atau satu pertiga daripada Dewan Pemuda PAS Kawasan dalam negeri itu. Maka Muktamar Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Muktamar itu diadakan.
- (3) Ahli bagi Muktamar Tahunan/Khas Dewan Pemuda PAS Negeri itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri.
 - (c) Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan atau Timbalannya atau Naibnya jika Ketua dan Timbalannya itu berhalangan.
 - (d) Tidak lebih dari tujuh orang wakil Dewan Pemuda PAS Kawasan yang diangkat dan

dilantik oleh Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Kawasan.

- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Muktamar itu ialah satu perdua daripada ahli-ahli Muktamar itu hadir.
- (5) Pengerusi bagi Muktamar Dewan Pemuda PAS Negeri itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalannya yang dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Negeri yang ada pemilihannya, daripada kalangan ahli-ahli PAS.

FASAL 60. Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri itu adalah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya Pemuda
 - (i) Tidak lebih daripada lima belas orang Ahli Jawatankuasa yang lain.

- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mukhtamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Negeri daripada pemuda-pemuda ahli PAS dalam negeri itu pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mukhtamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Negeri yang ada pemilihannya.
- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Pemuda dan satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh Ketua di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada pemuda-pemuda ahli PAS dalam negeri itu, dan akan memegang jawatannya selama dua tahun, atau sehingga kepada Mukhtamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Negeri yang akan datang yang ada pemilihan, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun.
- (4) Jika Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun, maka Timbalannya hendaklah memangku Jawatan itu sehingga kepada Mukhtamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Negeri yang akan datang yang ada padanya pemilihan. Jika kedua-duanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebabpun, maka Naib Ketuanya hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketuanya dan seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda Negeri hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan itu dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib

Ketua di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga ke Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihan. Dan jika Naib Ketuanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri dan seorang dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Pemuda PAS Negeri dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada padanya pemilihan. Dan ditempat mereka yang mereka kosongkan itu bolehlah dilantik gantinya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana pemuda ahli PAS Negeri itu oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.

- (5) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya tiga kali dalam setahun, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua atau dengan permintaan bersurat daripada tidak kurang dari satu pertiga daripada jumlah Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri itu.
- (6) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya Pemuda adalah dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Negeri.

- (7) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Negeri mempunyai tugas-tugas berikut:
- (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan Pemuda PAS Negeri dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri.
 - (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri.
- (8) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian itu ialah lima orang daripada ahli-ahli hadir.
- (9) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali

berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.

- (10) Ketua atau Timbalannya jika Ketua itu berhalangan, hendaklah mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan itu.
- (11) Ketua dan Setiausaha Dewan Pemuda PAS Negeri itu adalah dengan sendirinya menjadi Ahli Badan Perhubungan PAS Negeri itu.

FASAL 61. Tugas-tugas Dewan Pemuda PAS Negeri

- (1) Ketua
 - (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan pentadbiran, gerakan dan kegiatan Dewan Pemuda PAS dalam negerinya.
 - (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan persefahaman dan kesungguhan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri dalam menjalankan tugas masing-masing.
 - (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Pemuda dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri.

- (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Negeri.
- (2) Timbalan Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Negeri apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.
 - (c) Menggantikan Ketua sebagai Ahli Perhubungan PAS Negeri dan Ahli Jawatankuasa Harian PAS Negeri jika Ketua dilucutkan jawatannya mengikut Fasal 39(16).
- (3) Naib Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Pemuda PAS Negeri apabila Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri berhalangan atau tidak hadir.
- (4) Setiausaha
- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan.

- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan pelaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan Pemuda PAS Negeri dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Negeri.
 - (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Negeri.
- (5) Penolong Setiausaha
- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan Pemuda PAS Negeri
 - (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan Pemuda PAS Negeri
- (6) Bendahari
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan Pemuda PAS Negeri.
 - (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira Dewan Pemuda PAS Negeri dan membentangkan penyata itu kepada Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Negeri.
 - (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan Pemuda PAS Negeri.

(7) Pengarah Pilihan Raya Pemuda

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan Pemuda PAS Negeri
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan Pemuda PAS Negeri
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri dan Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya

(8) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Pemuda PAS dalam negerinya.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Pemuda PAS Negeri.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Negeri atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Menyatukan tenaga dan kegiatan pemuda-pemuda PAS Negeri.

- (b) Menubuhkan Dewan Pemuda PAS Kawasan dengan kerjasama Dewan Pemuda PAS Pusat, Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan.
- (c) Menyelaraskan gerakan dan pentadbiran Dewan Pemuda PAS Kawasan-kawasan dengan kerjasama Badan Perhubungan PAS Negeri.
- (d) Meluaskan pengaruh PAS di kalangan pemuda-pemuda melalui kegiatan-kegiatan belia sambil berusaha membentuk keperibadian mereka supaya menjadi pemuda yang bertanggungjawab kepada agama dan negara serta menyakinkan mereka kepada cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS.
- (e) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.

FASAL 62. Dewan Pemuda PAS Kawasan

- (1) Sebuah Dewan Pemuda PAS Kawasan bolehlah ditubuhkan oleh Dewan Pemuda PAS Negeri dengan kerjasama Dewan Pemuda PAS Pusat, Badan Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan dalam sebuah Kawasan PAS atau Kawasan Parlimen dengan syarat telah sedia ada tidak kurang daripada lima puluh orang pemuda-pemuda ahli PAS dalam kawasan itu.
- (2) Pejabat bagi Dewan Pemuda PAS Kawasan itu ialah sepertimana yang telah disebutkan di dalam Fasal 38(3) Perlembagaan ini.

- (3) Sebuah buku daftar ahli bagi Dewan Pemuda PAS Kawasan yang dicatatkan di dalamnya, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Umur, Alamat, Pekerjaan dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan dan disimpan oleh Setiausaha di Pejabat Dewan Pemuda PAS Kawasan itu.

FASAL 63. Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Kawasan

- (1) Dewan Pemuda PAS Kawasan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Mesyuarat Agung PAS Kawasan dan Muktamar Dewan Pemuda PAS Negeri, atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan itu. Satu notis mesyuarat agung hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh mesyuarat agung hendak diadakan.
- (2) Mesyuarat Agung Khas Dewan Pemuda PAS Kawasan bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan atau satu pertiga daripada Jawatankuasa Kerja Pemuda PAS Cawangan dalam Kawasan itu. Maka Mesyuarat Agung Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Mesyuarat Agung itu diadakan.

- (3) Ahli bagi Mesyuarat Agung Tahunan/Khas Dewan Pemuda PAS Kawasan itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan.
 - (c) Ketua dan Setiausaha Jawatankuasa Pemuda PAS Cawangan-cawangan.
 - (d) Tidak lebih dari lima orang pemuda PAS Cawangan yang dilantik di dalam dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemuda PAS Cawangan-cawangan.
- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Kawasan itu ialah satu perdua daripada ahli-ahli yang di atas hadir.
- (5) Pengerusi bagi Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Kawasan itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalannya jika ianya berhalangan dengan apa-apa jua sebab sekalipun. Kedua-dua mereka hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan yang ada pemilihan.
- (6) Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Kawasan berkuasa mengangkat tidak lebih tiga orang wakil ke Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat, tidak lebih tujuh orang wakil ke Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Negeri dan lima belas orang wakil ke Mesyuarat Agung PAS Kawasan.

FASAL 64. Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan itu adalah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya Pemuda, dan
 - (i) Dua belas orang Jawatankuasa Biasa.
- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan lapan orang daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan daripada pemuda-pemuda ahli PAS dalam kawasan itu pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mesyuarat Agung Tahunannya yang ada pemilihan.
- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Pemuda dan empat orang daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh ketua di

dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan itu daripada pemuda-pemuda ahli PAS dalam Kawasan itu, dan akan memegang jawatan itu selama dua tahun atau sehingga kepada Mesyuarat Agung yang akan datang yang ada pemilihan, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun.

- (4) Jika sekiranya Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa sebab sekalipun, maka Timbalannya hendaklah memangku jawatan itu sehingga kepada Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Kawasan yang akan datang yang ada pemilihan. Jika kedua-duanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa sebabpun maka Naib Ketuanya hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketuanya dan seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan itu dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga ke Mesyuarat Agung yang akan datang yang ada padanya pemilihan. Dan jika Naib Ketuanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan dan seorang dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Pemuda PAS Kawasan dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga kepada Mesyuarat yang akan datang yang ada padanya pemilihan.

- (5) Dan di tempat yang mereka kosongkan bolehlah dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana jua pemuda ahli PAS dalam kawasan itu.
- (6) Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan hendaklah mengadakan mesyuaratnya tidak kurang daripada tiga kali dalam setahun atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua atau dengan permintaan bersurat daripada satu pertiga Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja itu.
- (7) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian itu ialah lima orang daripada ahli-ahlinya hadir.
- (8) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.
- (9) Ketua hendaklah menguruskan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan itu, dan jika ia berhalangan maka Timbalannya hendaklah menguruskan mesyuarat itu.
- (10) Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan adalah dengan sendirinya menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan. Jika Ketua Dewan Pemuda

itu berhalangan atau apa-apa jua sebab yang ia tidak dapat hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan, maka Timbalannya bolehlah diwakilkan secara bersurat untuk hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat itu.

- (11) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya Pemuda Dewan itu dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan.
- (12) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan mempunyai tugas-tugas berikut:
 - (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan Pemuda PAS Kawasan dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan.
 - (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah

dimaklumkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan.

FASAL 65. Tugas-tugas Dewan Pemuda PAS Kawasan

(1) Ketua

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan pentadbiran, gerakan dan kegiatan Dewan Pemuda PAS dalam kawasannya.
- (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan, persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan dalam menjalankan tugas masing-masing.
- (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Pemuda dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan.
- (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan.

(2) Timbalan Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan.

- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.
- (3) Naib Ketua
 - (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan apabila Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan berhalang atau tidak hadir.
- (4) Setiausaha
 - (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan.
 - (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan pelaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan Pemuda PAS Kawasan dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan.
 - (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Pemuda PAS Kawasan.

(5) Penolong Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan Pemuda PAS Kawasan.
- (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan Pemuda PAS Kawasan.

(6) Bendahari

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan Pemuda PAS Kawasan.
- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira Dewan Pemuda PAS Kawasan dan membentangkan penyata itu kepada Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan.
- (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan Pemuda PAS Kawasan.

(7) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Pemuda PAS dalam kawasannya.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Pemuda PAS Kawasan.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan atas segala tindakan

dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.

(8) Pengarah Pilihan Raya Pemuda

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan Pemuda PAS Kawasan
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan Pemuda PAS Kawasan
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan dan Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Kawasan atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Menyelaraskan pentadbiran dan kegiatan Jawatankuasa Pemuda PAS Cawangan dengan kerjasama PAS Cawangan dan Kawasan.
- (b) Meluaskan pengaruh PAS di kalangan pemuda-pemuda dalam kawasan itu melalui kegiatan-kegiatan belia sambil berusaha membentuk dan memimpin mereka ke arah cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS.
- (c) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.

- (d) Mengangkat wakil ke Muktamar Khas Dewan Pemuda PAS Pusat dan/atau Muktamar Khas Dewan Pemuda PAS Negeri dan/atau Mesyuarat Agung Khas PAS Kawasan jika wakil yang diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.

Fasal 66. Dewan Muslimat PAS Pusat

- (1) Sebuah Dewan Muslimat PAS Pusat hendaklah ditubuhkan melalui Muktamarnya.
- (2) Pejabat bagi Dewan Muslimat PAS Pusat itu ialah seperti mana yang dinyatakan dalam Fasal 38(1) Perlembagaan ini.
- (3) Muslimat-muslimat yang telah menjadi ahli PAS dengan sendirinya menjadi ahli bagi Dewan Muslimat PAS.
- (4) Sebuah buku besar daftar ahli bagi Dewan itu yang dicatatkan di dalamnya, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat, Pekerjaan dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan dan disimpan oleh Setiausaha Dewan itu di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat.

FASAL 67. Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat

- (1) Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat hendaklah diadakan sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya dalam bulan April pada tiap-tiap tahun atau mana-mana tarikh yang terdahulu sedikit dari Muktamar Tahunan PAS, atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS

Pusat. Satu notis hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh Muktamar hendak diadakan.

- (2) Muktamar Khas Dewan Muslimat PAS Pusat bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat atau satu pertiga daripada Dewan Muslimat PAS Kawasan. Maka Muktamar Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Muktamar itu diadakan.
- (3) Ahli bagi Muktamar Tahunan/Khas Dewan Muslimat PAS itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat.
 - (c) Ketua-ketua Dewan Muslimat PAS Negeri atau Timbalannya atau Naibnya dengan kebenaran bersurat jika Ketua atau Timbalan Ketua berhalangan.
 - (d) Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan atau timbalannya atau naibnya dengan kebenaran bersurat jika ketuanya atau timbalan ketua berhalangan.
 - (e) Tidak lebih tiga orang wakil yang dipilih dan diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan.

- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Muktamar itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya yang di atas hadir.
- (5) Pengerusi bagi Muktamar itu ialah Pengerusi Tetap, jika ia berhalangan, maka Timbalannya hendaklah mempengerusikan Muktamar itu.
- (6) Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat itu hendaklah dipilih dan dilantik pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS yang ada pemilihan daripada muslimat-muslimat yang telah menjadi ahli PAS.
- (7) Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat berkuasa mengangkat 20 wakil ke Muktamar Tahunan PAS mengikut Fasal 18(2)(h).

FASAL 68. Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat itu adalah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan

- (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya Muslimat, dan
 - (i) Tidak lebih daripada lapan belas orang Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa.
- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan dua pertiga daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Muktamar Tahunannya yang ada pemilihan daripada Muslimat-muslimat ahli PAS.
- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Muslimat dan satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh Ketua daripada Muslimat-muslimat PAS di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu, dan akan memegang jawatannya selama dua tahun atau sehingga kepada Muktamar Tahunan PAS yang akan datang yang ada pemilihan, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua pun dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS itu.
- (4) Jika sekiranya Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat itu berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun, maka Timbalan Ketuanya hendaklah memangku jawatan itu sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan jika keduanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab pun maka Naib Ketuanya hendaklah dilantik memangku jawatan ketuanya

dan seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada padanya pemilihan dan jika Naib Ketuanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat dan seorang dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan di tempat mereka yang mereka kosongkan bolehlah dilantik gantinya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana jua muslimat yang telah menjadi ahli PAS.

- (5) Tiap-tiap seorang daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS itu bolehlah memohon berhenti dengan menghantar surat kepada Ketua atau Setiausaha serta menyata sebab-sebab keberhentiannya bagi ditimbang dan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (6) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat hendaklah mengadakan mesyuaratnya tidak kurang dari tiga kali dalam setahun, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua, atau dengan permintaan bersurat daripada tidak

kurang dari satu pertiga dari jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan itu semua.

- (7) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya Muslimat adalah dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (8) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Pusat mempunyai tugas-tugas berikut:
 - (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan Muslimat PAS Pusat dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat.
 - (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat.

- (9) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir, dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan itu ialah lima orang daripada ahli-ahlinya hadir.
- (10) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.
- (11) Ketua hendaklah menguruskan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan itu, dan jika ia berhalangan, maka Timbalannya hendaklah menguruskan mesyuarat-mesyuarat tersebut.

FASAL 69. Tugas-tugas Dewan Muslimat PAS Pusat

- (1) Ketua
- (a) Bertanggungjawab mengetuai kesempurnaan perjalanan pentadbiran gerakan dan kegiatan Dewan Muslimat PAS dalam negara ini.
- (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan, persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat dalam menjalankan tugas masing-masing.

- (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Muslimat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat.
 - (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (2) Timbalan Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Pusat apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.
- (3) Naib Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Pusat apabila Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat berhalangan atau tidak hadir.

(4) Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan perlaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat dan pengambilan kakitangan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Pusat.

(5) Penolong Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat.

(6) Bendahari

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira Dewan Muslimat PAS Pusat dan membentangkan penyata itu

kepada Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat.

- (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan Muslimat PAS Pusat.

(7) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Muslimat PAS.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Muslimat PAS.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.

(8) Pengarah Pilihan Raya Muslimat

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan Muslimat PAS Pusat.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat dan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Menyatukan tenaga, fikiran dan pandangan muslimat-muslimat PAS dalam negara ini.
- (b) Membantu Perhubungan PAS Negeri menubuhkan Dewan Muslimat PAS Negeri, dan membantu Dewan Muslimat PAS Negeri menubuhkan Dewan Muslimat PAS Kawasan dengan kerjasama Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan.
- (c) Meluaskan pengaruh PAS di kalangan wanita-wanita Islam melalui kegiatan-kegiatan kewanitaan sambil membentuk keperibadian mereka menjadi muslimat yang bertanggungjawab kepada agama dan negara serta menyakinkan mereka kepada cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS.
- (d) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (e) Mengangkat wakil ke Mukhtamar Khas PAS yang disebut dalam Fasal 18 Perlembagaan ini, jika wakil yang diangkat oleh Mukhtamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.

FASAL 70. Dewan Muslimat PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan

- (1) Sebuah Dewan Muslimat PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan yang kemudiannya disebut 'Dewan Muslimat PAS Negeri' sahaja hendaklah

ditubuhkan oleh Perhubungan PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Muslimat PAS Pusat yang dianggotai oleh Muslimat-muslimat PAS sepertimana yang disebutkan dalam Fasal 67(3) Perlembagaan ini.

- (2) Pejabat bagi Dewan Muslimat PAS Negeri itu ialah sepertimana yang telah disebutkan di dalam Fasal 38(2) Perlembagaan ini.
- (3) Sebuah buku daftar ahli bagi Dewan Muslimat PAS Negeri yang dicatatkan di dalamnya, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat, Pekerjaan dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan oleh Setiausaha dan disimpan di Pejabat Dewan Muslimat PAS Negeri itu.

FASAL 71. Muktamar Dewan Muslimat PAS Negeri

- (1) Dewan Muslimat PAS Negeri hendaklah mengadakan Muktamar Tahunannya sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat, atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan itu. Satu notis hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh muktamar hendak diadakan.
- (2) Muktamar Khas Dewan Muslimat PAS Negeri bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri atau satu pertiga daripada Dewan Muslimat PAS Kawasan dalam negeri itu. Maka Muktamar Khas ini tidaklah

boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Muktamar itu diadakan.

- (3) Ahli bagi Muktamar Tahunan/Khas Dewan Muslimat PAS Negeri itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (c) Ketua-ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan atau Timbalannya atau Naibnya jika Ketua dan Timbalannya berhalangan.
 - (d) Tidak lebih dari tujuh orang wakil yang dipilih dan diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Muktamar Dewan Muslimat PAS Negeri itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya yang di atas hadir.
- (5) Pengerusi bagi Muktamar itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalannya yang dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali, atau pada mana-mana Muktamar Tahunan Dewan itu yang ada pemilihannya.

FASAL 72. Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri itu adalah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua

- (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya Muslimat
 - (i) Tidak lebih daripada lima belas orang Ahli Jawatankuasa Biasa.
- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dipilih dan dilantik oleh Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Negeri daripada muslimat-muslimat PAS Negeri itu pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Muktamar Dewan itu yang ada pemilihannya.
- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Muslimat dan satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraiian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh Ketua di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu, dan akan memegang jawatan selama dua tahun, atau sehingga kepada Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Negeri yang akan datang yang ada pemilihan, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun.

- (4) Jika sekiranya Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri itu berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun, maka Timbalannya hendaklah memangku Jawatan Ketua itu sehingga kepada Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Negeri yang akan datang yang ada pemilihannya, jika sekiranya kedua-duanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebabpun, maka Naib Ketuanya hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketuanya dan seorang dari Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan itu dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri oleh Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Negeri sehingga kepada Muktamar Tahunan akan datang yang ada pemilihan. Dan jika Naib Ketuanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri dan seorang dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri oleh Jawatankuasa Kerja Dewan itu sehingga kepada Muktamar Tahunan yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan di tempat yang mereka kosongkan bolehlah dilantik gantinya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada mana-mana jua muslimat yang telah menjadi ahli PAS dalam negeri itu.
- (5) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri hendaklah mengadakan mesyuaratnya tidak kurang dari tiga kali dalam setahun, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua, atau dengan permintaan bersurat

daripada tidak kurang dari satu pertiga dari jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat Negeri itu.

- (6) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya Muslimat adalah dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri.
- (7) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri mempunyai tugas-tugas berikut:
 - (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan Muslimat PAS Negeri dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.
 - (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
 - (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri.

- (8) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan itu ialah lima orang daripada ahli-ahlinya hadir.
- (9) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.
- (10) Ketua hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan itu dan jika ia berhalangan maka Timbalannya hendaklah mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat tersebut.
- (11) Ketua dan Setiausaha Dewan Muslimat PAS Negeri adalah dengan sendirinya menjadi Ahli Badan Perhubungan PAS Negeri itu.

FASAL 73. Tugas-tugas Dewan Muslimat PAS Negeri

- (1) Ketua
 - (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan pentadbiran gerakan dan kegiatan Dewan Muslimat PAS dalam negerinya.
 - (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan, persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli

Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri dalam menjalankan tugas masing-masing.

- (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Muslimat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri.
- (2) Timbalan Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.
 - (c) Menggantikan Ketua sebagai Ahli Perhubungan PAS Negeri dan Ahli Jawatankuasa Harian PAS Negeri jika Ketua dilucutkan jawatannya mengikut Fasal 39(16) Perlembagaan ini.
- (3) Naib Ketua
- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri.

- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri apabila Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri berhalangan atau tidak hadir.
- (4) Setiausaha
- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan pelaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan Muslimat PAS Negeri dan pengambilan kakitangannya dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri.
- (5) Penolong Setiausaha
- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan Muslimat PAS Negeri.
- (6) Bendahari
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan Muslimat PAS Negeri.

- (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira Dewan Muslimat PAS Negeri dan membentangkan penyata itu kepada Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan Muslimat PAS Negeri.
- (7) Ketua Penerangan
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Muslimat PAS dalam negerinya.
 - (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Muslimat PAS Negeri.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.
- (8) Pengarah Pilihan Raya Muslimat
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan Muslimat PAS Negeri.
 - (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan Muslimat PAS Negeri.

- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri dan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.
- (9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja
- (a) Menyatukan tenaga dan kegiatan Muslimat PAS Negeri.
 - (b) Menyelaras gerakan dan pentadbiran Dewan Muslimat PAS Kawasan-kawasan dengan kerjasama Badan Perhubungan PAS Negeri.
 - (c) Meluaskan pengaruh PAS di kalangan wanita-wanita Islam melalui kegiatan-kegiatan kewanitaan sambil membentuk dan memupuk keperibadian mereka supaya menjadi muslimat yang bertanggungjawab kepada agama dan negara serta meyakinkan mereka kepada cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS.
 - (d) Menubuhkan Dewan Muslimat PAS Kawasan dengan kerjasama Dewan Muslimat PAS Pusat, Badan Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan.
 - (e) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.

FASAL 74. Dewan Muslimat PAS Kawasan

- (1) Sebuah Dewan Muslimat PAS Kawasan bolehlah ditubuhkan oleh Dewan Muslimat PAS Negeri dengan kerjasama Dewan Muslimat PAS Pusat, Perhubungan PAS Negeri dan PAS Kawasan dalam sebuah Kawasan PAS atau Kawasan Parlimen dengan syarat telah sedia ada tidak kurang daripada lima puluh orang Muslimat ahli PAS di dalam Kawasan itu.
- (2) Pejabat bagi Dewan Muslimat PAS Kawasan itu ialah sepertimana yang telah disebutkan di dalam Fasal 38(3) Perlembagaan ini.
- (3) Sebuah buku daftar ahli bagi Dewan Muslimat PAS Kawasan yang dicatatkan di dalamnya, Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat, Pekerjaan dan Nombor Sijil Keahliannya dalam PAS hendaklah disediakan dan disimpan oleh Setiausaha di Pejabat Dewan Muslimat Kawasan itu.

FASAL 75. Mesyuarat Agung Dewan Muslimat PAS Kawasan

- (1) Dewan Muslimat PAS Kawasan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Mesyuarat Agung PAS Kawasan dan Muktamar Dewan Muslimat PAS Negeri, atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat Kawasan itu. Satu notis hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang 14 hari daripada tarikh mesyuarat agung hendak diadakan.

- (2) Mesyuarat Agung Khas Dewan Muslimat PAS Kawasan bolehlah diadakan beberapa kali dalam setahun sekiranya dikehendaki oleh Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan atau satu pertiga daripada Jawatankuasa Kerja Muslimat PAS Cawangan dalam Kawasan itu. Maka Mesyuarat Agung Khas ini tidaklah boleh dibincangkan apa-apa perkara selain daripada perkara yang kerananya Mesyuarat Agung Khas itu diadakan.
- (3) Ahli bagi Mesyuarat Agung Tahunan/Khas Dewan Muslimat PAS Kawasan itu ialah:
 - (a) Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan.
 - (c) Ketua dan Setiausaha Jawatankuasa Muslimat PAS Cawangan-Cawangan.
 - (d) Tidak lebih dari lima orang Muslimat PAS Cawangan yang dilantik di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Muslimat PAS Cawangan-cawangan.
- (4) Cukup bilang bagi menjalankan Mesyuarat Agung Dewan Muslimat PAS Kawasan itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya yang di atas hadir.
- (5) Pengerusi bagi Mesyuarat Agung Dewan Muslimat PAS Kawasan itu ialah Pengerusi Tetap atau Timbalannya yang dipilih pada tiap-

tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan yang ada pemilihan.

- (6) Mesyuarat Agung Dewan Muslimat PAS Kawasan berkuasa mengangkat tidak lebih tiga orang wakil ke Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat, tidak lebih tujuh wakil ke Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Negeri dan lima belas orang wakil ke Mesyuarat Agung PAS Kawasan.

FASAL 76. Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan

- (1) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan itu adalah terdiri dari:
 - (a) Seorang Ketua
 - (b) Seorang Timbalan Ketua
 - (c) Seorang Naib Ketua
 - (d) Seorang Setiausaha
 - (e) Tidak lebih daripada tiga orang Penolong Setiausaha
 - (f) Seorang Bendahari
 - (g) Seorang Ketua Penerangan
 - (h) Seorang Pengarah Pilihan Raya Muslimat, dan
 - (i) Dua belas orang Jawatankuasa Biasa.
- (2) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan lapan orang daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraian (1)(i) Fasal ini

hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan itu daripada Muslimat-Muslimat PAS kawasan itu pada tiap-tiap dua tahun sekali atau pada mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan yang ada pemilihan.

- (3) Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Muslimat dan empat orang lagi Jawatankuasa yang disebutkan dalam Ceraian (1)(i) Fasal ini hendaklah dilantik oleh Ketua di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu daripada Muslimat-Muslimat PAS dalam Kawasan itu, dan akan memegang jawatan itu selama dua tahun atau sehingga kepada Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan yang akan datang yang ada pemilihannya, atau sehingga ia berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa sebab jua pun.
- (4) Jika sekiranya Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan itu berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab sekalipun, maka Timbalan Ketuanya hendaklah memangku jawatan itu sehingga kepada Mesyuarat Agung yang akan datang yang ada pemilihannya. Dan jika kedua-duanya berhenti atau diberhentikan dengan apa-apa jua sebab pun maka Naib Ketuanya hendaklah dilantik memangku jawatan ketuanya dan seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan itu dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan itu di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Kawasan sehingga

kepada Mesyuarat Agung yang akan datang, dan jika Naib Ketuanya juga berhenti atau diberhentikan maka seorang daripada Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan hendaklah dilantik memangku Jawatan Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan dan seorang dilantik memangku Jawatan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan dan seorang dilantik memangku Jawatan Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan sehingga kepada Mesyuarat Agung yang akan datang yang ada pemilihannya.

- (5) Adapun tempat yang dikosongkan oleh tiga orang Jawatankuasa itu bolehlah dilantik pengganti daripada mana-mana Muslimat PAS Kawasan itu oleh Mesyuarat Jawatankuasa Dewan itu.
- (6) Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan hendaklah mengadakan mesyuaratnya tidak kurang daripada tiga kali dalam setahun, atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua atau dengan permintaan bersurat daripada tidak kurang dari satu pertiga daripada jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (7) Cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu ialah satu perdua daripada ahli-ahlinya hadir dan cukup bilang bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Harian itu ialah lima orang daripada ahli-ahlinya hadir.
- (8) Adapun seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan itu bolehlah dilucutkan jawatannya dengan persetujuan

mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan jika gagal hadir mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebarang makluman kepada Setiausaha Dewan itu.

- (9) Ketua, atau Timbalan Ketua, jika dia berhalangan hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (10) Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan dengan sendirinya menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan. Jika Ketua Dewan Muslimat itu berhalangan atau apa-apa jua sebab yang ia tidak dapat hadir dalam mana-mana mesyuarat Kawasan, maka Timbalannya boleh diwakilkan secara bersurat untuk hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat itu.
- (11) Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Pengarah Pilihan Raya Muslimat Dewan itu dengan sendirinya menjadi Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (12) Adapun Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan mempunyai tugas-tugas berikut:
 - (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan Muslimat PAS Kawasan dan urusan-urusan biasa Dewan ini.
 - (b) Menimbangkan sesuatu perkara yang mustahak dan terpaksa disegerakan.

- (c) Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak di peringkat Dewan ini selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
- (d) Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang diperturunkan kepadanya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (e) Semua keputusan dan tindakan yang dibuat oleh jawatankuasa ini mengikut Pecahan (a), (b) dan (c) Ceraian ini hendaklah dimaklum dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan.

FASAL 77. Tugas-tugas Dewan Muslimat PAS Kawasan

(1) Ketua

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan pentadbiran gerakan dan kegiatan Dewan Muslimat PAS dalam Kawasannya.
- (b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara perpaduan persefahaman dan kesungguhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan dalam menjalankan tugas masing-masing.
- (c) Melantik Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Pengarah Pilihan Raya Muslimat dan Ahli-ahli Jawatankuasa kerja yang dilantik menurut peruntukan Perlembagaan ini dengan persetujuan mesyuarat

Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan.

- (d) Menetap dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan.

(2) Timbalan Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan apabila Ketua Dewan berhalangan atau tidak hadir.

(3) Naib Ketua

- (a) Membantu tugas-tugas Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (b) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan apabila Ketua atau Timbalan Ketua Dewan itu berhalangan atau tidak hadir.

(4) Setiausaha

- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan.

- (b) Bertanggungjawab atas kesempurnaan dan pelaksanaan pentadbiran Pejabat Dewan Muslimat PAS Kawasan dan pengambilan kakitangan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan.
 - (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (5) Penolong Setiausaha
- (a) Bertanggungjawab kepada Setiausaha Dewan Muslimat PAS Kawasan.
 - (b) Membantu tugas-tugas Setiausaha dalam urusan pentadbiran Pejabat Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (6) Bendahari
- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kewangan Dewan Muslimat PAS Kawasan.
 - (b) Bertanggungjawab menyediakan penyata tahunan kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira Dewan dan membentangkan penyata itu kepada Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan.
 - (c) Menyediakan rancangan-rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Dewan Muslimat PAS Kawasan.

(7) Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan dakwah dan penerangan Muslimat PAS dalam kawasannya.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan program dan kegiatan penerangan Muslimat PAS Kawasan.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua dan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan atas segala tindakan dan usaha yang dijalankan berhubung dengan kegiatan dakwah dan penerangan.

(8) Pengarah Pilihan Raya Muslimat

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan seluruh urusan pilihan raya Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (b) Menyedia, menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pilihan raya Dewan Muslimat PAS Kawasan.
- (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Dewan Muslimat PAS Kawasan dan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan atas segala usaha dan tindakan berhubung dengan kegiatan pilihan raya.

(9) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja

- (a) Menyelaraskan pentadbiran dan kegiatan Jawatankuasa Muslimat cawangan dengan kerjasama PAS Cawangan dan Kawasan.

- (b) Meluaskan pengaruh PAS dalam kawasan itu melalui kegiatan-kegiatan kewanitaan sambil berusaha membimbing dan memimpin wanita-wanita Islam di kawasan itu ke arah cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS.
- (c) Membentuk lajnah-lajnah yang difikirkan perlu dan melantik ahli-ahlinya di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan itu.
- (d) Mengangkat wakil ke Muktamar Khas Dewan Muslimat PAS Pusat dan/atau Muktamar Khas Dewan Muslimat PAS Negeri dan/atau Mesyuarat Agung Khas PAS Kawasan jika wakil yang diangkat oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan tidak lagi menjadi wakil mengikut Fasal 19(7) Perlembagaan ini.

BAB YANG KESEBELAS KEWANGAN DAN PEMEGANG AMANAH

FASAL 78. Sumber-sumber Kewangan

- (1) Adapun sumber-sumber kewangan PAS ialah dari :
 - (a) Bayaran permulaan masuk menjadi ahli.
 - (b) Yuran tahunan ahli
 - (c) Derma-derma dan wakaf

- (d) Lain-lain pendapatan yang halal pada sisi undang-undang negara dan tidak berlawanan dengan hukum-hukum dan ajaran Islam serta tidak merugikan perjuangan PAS.
- (2) Bayaran permulaan masuk menjadi ahli
- (a) Seseorang ahli PAS itu hendaklah membayar kepada PAS melalui Cawangan dan/atau Kawasan PAS atau terus ke Pejabat Agung suatu bayaran masuk menjadi ahli sebanyak RM 2.00 atau sebanyak mana yang ditetapkan oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dari masa ke semasa, dengan syarat mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
 - (b) Empat puluh peratus wang bayaran masuk menjadi ahli itu adalah terserah kepada penggunaan Pejabat Agung PAS, dua puluh peratus kepada Badan Perhubungan PAS Negeri, dua puluh peratus kepada PAS Kawasan dan dua puluh peratus yang baki itu adalah kepada PAS Cawangan.
- (3) (a) Tiap-tiap ahli PAS hendaklah membayar yuran tahunannya sebanyak RM3.00 atau yuran sekaligus untuk seumur hidupnya sebanyak RM100.00 kepada PAS Kawasan-kawasan melalui Cawangan-cawangan atau terus kepada PAS Kawasan atau Pejabat Agung sebanyak mana yang ditetapkan oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat sebelum Mesyuarat Agung PAS Cawangan atau Kawasanya atau sebelum Mukhtamar

Tahunan PAS jika ianya dibayar terus ke Pejabat Agung PAS.

- (b) Tiap-tiap ahli PAS yang membayar yuran sekaligus untuk seumur hidup tidak lagi perlu membayar yuran tahunan.
- (c) Ahli-ahli yang berdaftar terus hendaklah membayar terus yuran tahunannya kepada Pejabat Agung PAS.
- (d) PAS Kawasan hendaklah membayar yuran tetap tahunan (yuran tetap PAS Kawasan) kepada Pejabat Agung PAS mengikut jumlah ahli yang ada di dalam kawasanya bagi tahun itu sebanyak lima puluh peratus daripada jumlah yuran tahunan yang ditetapkan bagi tiap-tiap ahli. Badan Perhubungan PAS Negeri adalah berhak mendapat peruntukan yuran tetap tahunan PAS Kawasan yang berbayar kepada Pejabat Agung itu sebanyak sepuluh peratus.
- (e) Cawangan-cawangan adalah berhak mendapat peruntukan wang yuran tahunan ahli-ahli cawangannya daripada kawasan-kawasan sebanyak dua puluh peratus.
- (f) Tiap-tiap seorang yang menjadi ahli PAS hendaklah menjelaskan segala yuran-yurannya sebelum penghujung tahun kewangan PAS.
- (g) Yuran sekaligus yang dibayar oleh seorang ahli PAS hendaklah diperuntukan sebanyak empat puluh peratus kepada Pejabat Agung PAS, sepuluh peratus kepada Badan

Perhubungan PAS Negeri, tiga puluh peratus kepada PAS Kawasan dan dua puluh peratus kepada PAS Cawangan.

FASAL 79. Peraturan Kewangan

- (1) Adapun tahun kewangan PAS itu ialah dari 1hb Januari hingga 31hb Disember pada tiap-tiap tahun.
- (2) Hendaklah diadakan sebuah Jawatankuasa Kecil yang dinamakan Jawatankuasa Kewangan:
 - (a) Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari PAS Pusat hendaklah dengan sendirinya menjadi ahli Jawatankuasa Kewangan itu dengan Presiden sebagai Pengerusnya.
 - (b) Jawatankuasa Kewangan itu hendaklah bertanggungjawab bagi menyediakan rancangan-rancangan bagi memperbaiki, menambah dan meneguhkan kewangan PAS dari masa ke semasa dan menentukan langkah-langkah yang perlu diambil bagi perlaksanaan dan kejayaannya.
 - (c) Jawatankuasa Kewangan itu hendaklah bertanggungjawab atas penyediaan sebarang penyata kewangan untuk dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bagi disahkan, setelah diperiksa oleh pemeriksa Kira-kira.
 - (d) Jawatankuasa ini adalah berkuasa meluluskan tiap-tiap perbelanjaan yang tidak melebihi daripada RM 30,000.00. Adapun tiap-tiap perbelanjaan yang melebihi daripada RM 30,000.00, maka ia hendaklah

terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Harian PAS Pusat.

(3) Kuasa Menandatangani Cek

- (a) Wang Pejabat Agung hendaklah disimpan dalam mana-mana bank yang ada mengamalkan sistem perbankan Islam yang dipersetujui mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat. Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari PAS Pusat adalah berkuasa menandatangani cek-cek Pejabat Agung. Tandatangan dua orang dari pegawai ini adalah sah dengan syarat seorang daripadanya ialah Bendahari PAS Pusat.
- (b) Adapun berkenaan dengan wang Lajnah-lajnah atau Jawatankuasa Kecil PAS Pusat, bolehlah disimpan di dalam mana-mana bank yang ada mengamalkan sistem perbankan Islam yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bolehlah melantik dan memberi kuasa menandatangani cek kepada mana-mana Ahli Jawatankuasa berkaitan dengan syarat seorang daripadanya adalah Bendahari PAS Pusat .
- (c) Wang Perhubungan PAS Negeri bolehlah disimpan di dalam mana-mana bank yang ada mengamalkan sistem perbankan Islam yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Harian PAS Negeri. Pesuruhjaya atau seorang Timbalannya, mengikut mana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Perhubungan, Setiausaha Perhubungan dan

Bendahari Perhubungan adalah berkuasa menandatangani cek-cek Perhubungan Negeri, tandatangan dua orang dari pegawai ini adalah sah dengan syarat seorang daripadanya ialah Bendahari Perhubungan.

- (d) Adapun berkenaan dengan wang PAS Kawasan-kawasan, Cawangan-cawangan, Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, Negeri dan Kawasan hendaklah disimpan di mana-mana bank yang ada mengamalkan sistem perbankan Islam yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja masing-masing, demikian juga berkenaan dengan kuasa menandatangani cek-cek masing-masing adalah sama kaedahnya dengan Ceraian (3)(a) dan (3)(c) Fasal ini mengikut mana yang sesuai.

(4) Wang Tunai Di Tangan

- (a) Bendahari PAS Pusat dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari RM 5,000.00. Bendahari Perhubungan Negeri, Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat dan Negeri masing-masing dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari RM5,000.00. Segala perbelanjaan yang lebih dari itu hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Harian masing-masing.
- (b) Bendahari PAS Kawasan, bendahari Dewan-dewan Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari RM1,000.00. Sebarang perbelanjaan yang lebih dari itu

hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kerja masing-masing.

- (c) Bendahari PAS Cawangan dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari RM500.00 dan segala perbelanjaan yang lebih dari itu hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan itu.
 - (d) Setiausaha Agung, Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri, Setiausaha Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat dan Negeri dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari RM2,000.00 untuk perbelanjaan yang tidak ditetapkan.
 - (e) Setiausaha PAS Kawasan, Setiausaha Dewan-dewan Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari RM1,000.00 untuk perbelanjaan yang tidak ditetapkan.
 - (f) Setiausaha PAS Cawangan dibenarkan menyimpan wang tunai di tangannya tidak lebih dari RM500.00 untuk perbelanjaan yang tidak ditetapkan.
- (5) Bendahari PAS Pusat sahaja yang berhak menerima sebarang wang PAS yang melalui Pejabat Agung dan mengeluarkan resit kerananya, jika ketiadaan Bendahari PAS Pusat, maka Setiausaha Agung atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan bersurat olehnya boleh menggantikannya bagi pihaknya. Demikianlah juga dengan sebarang wang yang dibayar kepada Badan Perhubungan PAS

Negeri, PAS Kawasan, PAS Cawangan, Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, Negeri dan Kawasan yang berhak menerima dan mengeluarkan resit kerananya ialah Bendahari-bendahari masing-masing. Dan jika ketiadaan Bendahari-bendahari itu, maka Setiausaha-setiausaha atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan bersurat olehnya bolehlah menggantikan bagi pihaknya.

- (6) Selain dari kuasa-kuasa penyimpanan wang tunai seperti dalam Fasal 79(4)(a),(b),(c),(d),(e) dan (f), kecuali bagi PAS Cawangan, setiap perbelanjaan yang lebih RM30,000.00 hendaklah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Kerja masing-masing. Bagi PAS Cawangan, setiap perbelanjaan melebihi RM5,000.00 hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kerjanya.

FASAL 80. Tuntutan

Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja PAS berhak memajukan sebarang tuntutan kewangan dan sebagainya kepada sesiapa juapun yang berhak dengan PAS dengan apa jua cara yang munasabah.

FASAL 81. Memegang Amanah

- (1) PAS bolehlah memiliki harta benda seperti tanah, rumah, bangunan dan lain-lain harta. Kecuali wang tunai di tangan atau disimpan di bank, hendaklah dipegang oleh Pemegang Amanah yang terdiri daripada tidak lebih dari lima orang bagi peringkat Pusat dan bagi peringkat Negeri hendaklah dilantik tidak lebih dari lima orang sebagai Pemegang Amanah.

Bagi PAS Kawasan, tidak lebih empat orang boleh dilantik sebagai Pemegang Amanah.

- (2) Pemegang Amanah PAS Pusat hendaklah dilantik daripada ahli-ahli PAS oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pemegang Amanah PAS Negeri hendaklah dilantik daripada ahli-ahli PAS dalam negeri itu oleh mesyuarat Badan Perhubungan PAS Negeri itu, Pemegang Amanah PAS Kawasan hendaklah dilantik oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu dari kalangan ahli-ahli PAS dalam kawasan berkenaan.
- (3) Seseorang Pemegang Amanah itu hendaklah memegang jawatannya sehingga ia meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat atau Muktamar Tahunan PAS atau mesyuarat Perhubungan PAS Negeri bagi sesebuah negeri, atau mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan bagi sesebuah kawasan dengan apa-apa sebab sekalipun. Maka keberhentian orang yang menjadi Pemegang Amanah itu hendaklah dimaklumkan kepada mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang diadakan kemudian daripada keberhentian itu supaya diangkat gantinya, dan bagi peringkat negeri hendaklah dimaklumkan kepada mesyuarat Perhubungan PAS Negeri supaya diangkat gantinya, dan bagi peringkat kawasan hendaklah dimaklumkan kepada mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan supaya diangkat gantinya.
- (4) Semua harta-harta tak alih, yang dimiliki oleh PAS, Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat hendaklah dipegang oleh Pemegang Amanah PAS Pusat. Adapun harta-

harta tak alih, yang dimiliki oleh Badan Perhubungan PAS Negeri, Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Negeri, maka hendaklah dipegang di bawah kuasa pemegang Amanah PAS Negeri, manakala harta tak alih yang dimiliki oleh PAS Kawasan, Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan dan Cawangan-cawangan PAS dalam Kawasan itu, maka hendaklah dipegang di bawah kuasa Pemegang Amanah PAS Kawasan itu.

FASAL 82. Pemeriksa Kira-Kira

- (1) Tidak kurang dua orang Pemeriksa Kira-Kira PAS Pusat itu hendaklah dipilih dan dilantik akan dia di dalam Muktamar Tahunan PAS Pusat pada tiap-tiap dua tahun sekali atau mana-mana Muktamar Tahunannya yang ada pemilihan.
- (2) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bolehlah memilih dan melantik mana-mana Juruaudit bertauliah menjadi Pemeriksa Kira-Kira luar bagi Pejabat Agung.
- (3) Tidak kurang daripada dua orang hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Negeri bagi menjadi Pemeriksa Kira-Kira Badan Perhubungan PAS Negeri itu.
- (4) Tidak kurang daripada dua orang hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan bagi menjadi Pemeriksa Kira-Kira PAS Kawasan itu.
- (5) Tidak kurang daripada dua orang hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mesyuarat Agung PAS

Cawangan bagi menjadi Pemeriksa Kira-Kira PAS Cawangan itu.

- (6) Tidak kurang daripada dua orang hendaklah dipilih dan dilantik oleh Mukhtar Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat dan Negeri bagi menjadi Pemeriksa Kira-Kira Dewan-dewan itu di peringkat Pusat dan Negeri.
- (7) Tidak kurang daripada dua orang hendaklah juga dipilih dan dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Kawasan bagi menjadi Pemeriksa Kira-Kira Dewan-Dewan itu.
- (8) Semua pemilihan dan perlantikan yang disebutkan dalam Ceraian (3) hingga (7) di atas hendaklah dibuat pada tiap-tiap dua tahun sekali.
- (9) Seorang Pemeriksa Kira-Kira tidaklah boleh menjawat jawatan lain dalam peringkat PAS yang memilih dan melantikinya. Sekiranya ia menerima berhenti atau diberhentikan atas apa-apa jua sebab sekalipun, maka hendaklah diangkat gantinya oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja di peringkat PAS yang memilih dan melantik akan dia.
- (10) Adapun bagi Perhubungan PAS Negeri, PAS Kawasan, Dewan-dewan 'Ulamak, Pemuda dan Muslimat PAS Pusat dan Negeri bolehlah, dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Harian bagi Perhubungan PAS Negeri dan Jawatankuasa Kerja bagi lain-lain, memilih dan melantik mana-mana Juruaudit bertauliah menjadi Pemeriksa Kira-Kira luarnya masing-masing.

BAB YANG KEDUA BELAS LAIN-LAIN HAL

FASAL 83. Bendera PAS

- (1) Adapun Bendera PAS ialah berwarna merah terletak di atas warna putih yang sama lebarnya (merah-putih) dan di pangkalnya sebelah atas terletak bulatan hijau.
- (2) Ukuran Bendera PAS itu ialah sebesar 5 X 7 sama ada dengan ukuran inci atau kaki atau lain-lain.
- (3) Bendera PAS bolehlah digunakan dalam setiap perayaan/perjumpaan yang dianjurkan oleh PAS atau sebarang perayaan yang disertai oleh PAS.
- (4) Bendera PAS bolehlah digunakan sebagai latar belakang dalam setiap majlis-majlis anjuran PAS.
- (5) Bendera PAS bolehlah digunakan pada pejabat-pejabat PAS, rumah-rumah ahli PAS dan pada kenderaan ahli-ahli PAS pada semua peringkat.
- (6) Bendera PAS bolehlah digunakan pada masa-masa pilihan raya.

FASAL 84. Lambang PAS

Adapun Lambang atau Simbol PAS untuk pilihan raya ialah Bulatan Putih dengan berlatar belakang warna hijau, dan dalam keadaan tertentu latar belakang boleh juga digunakan warna hitam dengan memakai ukuran 3 X 4 iaitu 3 lintang dan 4 bujur atau segi empat sama dalam apa-apa ukuran, atau apa-apa simbol yang dipersetujui oleh Jawatankuasa

Kerja PAS Pusat dan diluluskan oleh Pendaftaran Pertubuhan serta Suruhanjaya Pilihan Raya.

FASAL 85. Tatatertib PAS

- (1) Semua ahli-ahli PAS hendaklah
 - (a) Taat dan patuh kepada hukum-hukum dan ajaran-ajaran Islam yang menjadi dasar PAS
 - (b) Taat dan patuh kepada Perlembagaan Parti serta Aturan dan Peraturannya.
 - (c) Taat dan patuh kepada arahan-arahan dan perintah-perintah Parti.
 - (d) Melaksanakan kewajipan-kewajipan yang ditugaskan oleh Parti sedaya upaya yang boleh.
 - (e) Menjaga dengan cermatnya segala rahsia-rahsia Parti.
 - (f) Mengamalkan akhlak Islam.
 - (g) Mengawal diri supaya tidak melakukan sebarang tindakan yang menyalahi atau merugikan kepentingan Parti.
 - (h) Menerima PAS sebagai satu-satunya wadah perjuangan Islam bagi dirinya di dalam negara ini.
- (2) Sebuah Jawatankuasa Tatatertib hendaklah ditubuhkan di peringkat pusat. Adapun Perhubungan Negeri, Kawasan-kawasan, Cawangan-cawangan dan Dewan-dewan bolehlah melaporkan apa-apa tindakan dan perbuatan ahli-ahli yang didapati melanggar

tatatertib parti kepada Setiausaha Agung atau Pejabat Agung untuk tindakan sewajarnya oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

- (3) Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah terdiri dari:
 - (a) Seorang Pengerusi
 - (b) Seorang Timbalan Pengerusi
 - (c) Seorang Setiausaha, dan
 - (d) Empat orang ahli Jawatankuasa
- (4) Ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib yang disebut dalam Ceraian 3(a), (b), (c) dan (d) Fasal ini hendaklah dari kalangan ahli-ahli PAS yang berkelayakan pada pandangan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan tidak memegang apa-apa jawatan dalam parti.
- (5) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, menurut kuasa yang diperuntukan kepadanya dalam Fasal 26(9)(c) Perlembagaan ini adalah diberi kuasa melantik semua ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib dari masa ke semasa.
- (6) Kuasa Jawatankuasa Tatatertib itu ialah:
 - (a) Memberi amaran
 - (b) Melucutkan hak-hak dalam parti
 - (c) Menggantungkan keahlian
 - (d) Memecat dari menjadi ahli

- (7) Jawatankuasa Tatatertib yang mengenakan tindakan tatatertib mengikut Ceraian (6)(b) dan (c) Fasal ini hendaklah menetapkan satu tempoh tertentu mengikut kesesuaian pada pandangan Jawatankuasa Tatatertib terhadap tindakan tatatertib yang diambil.
- (8) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan apa-apa jua cara yang difikirkan munasabah hendaklah menimbang dan memutuskan rayuan mana-mana ahli PAS yang telah dikenakan tindakan tatatertib dan tidak berpuashati dengan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib dengan syarat ahli tersebut hendaklah mengemukakan rayuannya kepada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat melalui Setiausaha Agung dalam tempoh 30 hari daripada tarikh keputusannya yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib mengikut Ceraian (6) Fasal ini.
- (9) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dalam keadaan tertentu adalah berhak mengambil apa-apa tindakan tatatertib dengan sendirinya tanpa menghiraukan Jawatankuasa Tatatertib ke atas mana-mana ahli PAS yang dianggap melanggar Ceraian (1) Fasal ini.

FASAL 86. Rayuan Tatatertib

- (1) Ahli-ahli PAS yang dikenakan tindakan tatatertib di bawah Fasal 85 Perlembagaan ini yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib bolehlah mengemukakan rayuan bersurat kepada Setiausaha Agung PAS dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa Tatatertib untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

- (2) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat mengikut Fasal 26(9)(e) dan 85(8) Perlembagaan ini berkuasa untuk mendengar semula rayuan tatatertib PAS.
- (3) Dengan mengabaikan Ceraian (2) Fasal ini, ahli-ahli yang dikenakan tindakan mengikut Fasal 85(9) Perlembagaan ini bolehlah mengemukakan rayuan terus kepada Majlis Syura 'Ulamak dalam tempoh 30 hari.
- (4) Ahli-ahli yang tidak berpuas hati dengan keputusan rayuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat boleh membuat rayuan semula dengan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Setiausaha Majlis Syura 'Ulamak dalam tempoh 15 hari daripada keputusan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat untuk dipertimbangkan oleh Majlis Syura 'Ulamak.
- (5) Majlis Syura 'Ulamak adalah berkuasa untuk mendengar rayuan bagi ahli-ahli yang dikenakan tindakan mengikut Fasal 85(9) Perlembagaan ini dan rayuan semula mengikut Ceraian (4) Fasal ini. Keputusan dan tindakan Majlis Syura 'Ulamak itu adalah muktamad.

FASAL 87. Peraturan Mukhtar dan Mesyuarat Agung

- (1) Adapun peraturan Mukhtar dan Mesyuarat Agung bagi Mukhtar Tahunan dan Mesyuarat Agung PAS adalah disifatkan seolah-olahnya menjadi sebahagian daripada Perlembagaan ini dan mempunyai kekuatan sebagaimana Perlembagaan juga.
- (2) Peraturan Mukhtar dan Mesyuarat Agung yang baru bolehlah diperbuat dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bila dikehendaki

ataupun peraturan-peraturan Muktamar dan Mesyuarat Agung yang telah ada bolehlah dipinda atau diubah atau dimansuhkan dengan satu ketetapan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

- (3) Sebarang pertikaian atau perselisihan faham dan pendapat di atas semua Peraturan Muktamar dan Mesyuarat Agung yang disebut dalam Fasal ini hendaklah dirujuk kepada Majlis Syura PAS mengikut Fasal 91(1).

FASAL 88. Aturan dan Peraturan PAS

- (1) Adapun sebarang Aturan dan Peraturan bagi mana-mana organisasi dalam PAS adalah disifatkan seolah-olah menjadi sebahagian daripada Perlembagaan ini dan mempunyai kekuatan sebagaimana Perlembagaan juga.
- (2) Apa-apa Aturan dan Peraturan bagi mengemaskan mana-mana organisasi di semua peringkat PAS bolehlah diperbuat dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan boleh dipinda atau diubah atau dimansuhkan oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dengan syarat ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan ini.
- (3) Jawatankuasa Kerja PAS Pusat adalah berkuasa untuk membuat apa-apa kaedah, tatacara, prosedur dan lain-lain termasuk pekelling yang menjadi arahan amalan, dan ia hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada Aturan dan Peraturan PAS dan boleh dipinda atau diubah atau dimansuhkan mengikut kaedah Ceraian (2) Fasal ini.

- (4) Adapun mana-mana bahagian di dalam mana-mana Aturan dan Peraturan yang dibuat mengikut Fasal 87 dan Fasal 88 Perlembagaan ini yang bertentangan dengan Perlembagaan ini, maka ia terbatal dengan sendirinya setakat mana ia bertentangan.
- (5) Sebarang pertikaian atau perselisihan faham dan pendapat di atas semua aturan dan peraturan yang disebut dalam Fasal ini hendaklah dirujuk kepada Majlis Syura 'Ulamak mengikut Fasal 91(1).

FASAL 89. Meminda Perlembagaan PAS

- (1) Adapun Perlembagaan PAS ini atau sebarang bahagian daripadanya bolehlah dipinda atau dibatalkan atau ditambahkan dengan ketetapan yang dipersetujui oleh dua pertiga suara yang hadir dalam Muktamar Tahunan PAS.
- (2) Suatu ketetapan yang mengandungi sebarang syor atau cadangan hendaklah meminda atau membatalkan atau mengubah atau menambahkan kepada Perlembagaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung sebagaimana yang disyaratkan di dalam Peraturan Muktamar PAS.
- (3) Sebarang pindaan, perubahan dan sebarang perkara yang berkait dengan Perlembagaan ini hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari dari tarikh ia diluluskan oleh Muktamar Tahunan PAS, dan tidak boleh dijalankan melainkan sesudah mendapat pengakuan daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 90. Cara Memansuhkan PAS

- (1) PAS ini tidaklah boleh dimansuh atau dibubarkan melainkan dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima daripada jumlah bilangan ahli-ahli PAS yang telah menyatakan persetujuan mereka dengan bersendirinya ke dalam Mukhtamar yang diadakan kerana maksud tersebut, atau dengan persetujuan sebulat suara dari perwakilan yang mewakili tiga perlima daripada ahli-ahli PAS Kawasan di dalam Mukhtamar PAS kerana maksud tersebut.
- (2) Jika persetujuan bagi memansuh dan membubarkan PAS ini dipersetujui, maka segala hutang-hutang PAS hendaklah dijelaskan dan segala wang baki harta-harta dan apa jua yang berkaitan dengannya diserahkan kepada keputusan Mukhtamar itu.
- (3) Kenyataan berkenaan dengan memansuh dan membubarkan PAS ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam tempoh empat belas hari dari tarikh diambil keputusan itu.

FASAL 91. Lain-lain Perkara

- (1) Segala perkara yang berbangkit dan perselisihan faham dan pendapat di atas tafsiran Perlembagaan ini, serta Aturan dan Peraturan yang diperbuat mengikut kuasa-kuasa yang diperuntukan dalam Perlembagaan ini hendaklah dirujuk kepada Majlis Syura 'Ulamak dan sebarang keputusannya adalah muktamad, jika tidak diubah oleh Mukhtamar.

- (2) Majlis Syura 'Ulamak adalah berkuasa membuat sebarang keputusan di atas perkara-perkara yang tidak diperuntukan dalam Perlembagaan ini dengan syarat keputusan itu hendaklah tidak bercanggah dengan dasar dan tujuan PAS seperti yang termaktub dalam Perlembagaan ini dan tertakluk kepada kuasa tertinggi Muktamar.
- (3) Sebarang pertikaian dan perselisihan di dalam PAS, Badan-badan dan organisasi-organisasi serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil/Lajnah-Lajnah yang dibentuk mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini tidak boleh dibawa ke Mahkamah.
- (4) PAS boleh mendakwa atau didakwa di atas nama mana-mana seorang ahlinya yang diisytiharkan kepada Pendaftar Pertubuhan dan orang itu didaftarkan oleh PAS sebagai Pegawai PAS bagi tujuan tersebut, dan, jika sekiranya tiada orang tersebut didaftarkan, maka ia menjadi sah bagi mana-mana orang yang mempunyai tuntutan atau hak ke atas PAS mengambil tindakan ke atas mana-mana Jawatankuasa Kerja PAS ketika itu dan begitulah juga bagi pihak PAS dengan apa jua cara yang munasabah.
- (5) Penasihat, pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas eksekutif PAS di semua peringkat hendaklah terdiri dari warganegara Malaysia.